



**Solusi banjir Melaka**

- Hujan lebat, air pasang berlaku serentak punca banjir
- Melaka perlu kolam takungan banjir seluas 60 hektar
- MPHTJ peruntuk RM900,000 atasi banjir
- Kerajaan Melaka rayu bantuan khas buat petani terjejas banjir
- Sistem perparitan tidak berfungsi punca banjir kilat 2&3



**PKRC awam pertama Melaka bermula** 4



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (dua kanan) ketika meninjau keadaan banjir di Taman Awam Ayer Molek, baru-baru ini.

## Hujan lebat, air pasang berlaku serentak punca banjir

FAIZ HASAN

**AYER KEROH** – Kenaikan air mendadak di kolam tebakan disebabkan hujan lebat dan air pasang berlaku serentak menjadi punca banjir berlaku di beberapa kawasan di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Daerah, Luar Bandar,

Pengurusan Banjir dan Teknologi Hijau negeri Datuk Seri Utama Idris Haron berkata, insiden tahunan yang berlaku itu disebabkan dua fenomena yang berlaku serentak membuatkan air terperangkap di daratan menjadikan punca banjir.

"Hari ini (17 Mei) Melaka menerima taburan hujan yang sangat lebat di lembangan Sungai Melaka

dan Sungai Malim menjadikan kolam tadahan Sungai Putat dan Sungai Ayer Salak penuh dan melimpah ke kawasan penempatan rendah.

"Kami juga mengesahkan sistem penggera yang dipasang di kawasan itu turut menghadapi isu teknikal.

"Perkara ini biasa berlaku pada tahun tahun sebelum ini dan tahun lepas ia berlaku di Duyong, namun

kali ini ia berlaku Sungai Putat," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut katanya, setakat ini pihaknya menerima laporan 33 komuniti kediaman di seluruh negeri terjejas akibat hujan lebat yang melanda pada 17 Mei lepas.

"Setakat ini ketinggian air yang direkodkan di kawasan terbabit antara 150 hingga 1,200 milimeter

(mm) membabitkan 3,395 hektar keluasan di kawasan terlibat.

"Menerusi bacaan hujan di beberapa lokasi Telemetri terlibat di negeri ini merekodkan bacaan berbeza antaranya di Telemetri Sungai Udang (153mm), Telemetri Batu Hampar (92mm), Telemetri Taman Merdeka (103mm) dan Telemetri Durian Tunggal (98mm)," katanya.

## Melaka perlu kolam takungan banjir seluas 60 hektar

Farah Suhaidah Othman

**SUNGAI PUTAT** – Kolam takungan banjir di Melaka perlu diperluaskan sehingga 60 hektar bagi mengatasi masalah banjir kilat yang sering melanda negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Pengurusan Banjir negeri, Datuk Seri Utama Idris Haron berkata kapasiti kolam

takungan sedia ada di Sungai Putat seluas sembilan hektar tidak mampu menampung taburan hujan yang tinggi selain saliran air sungai akibat fenomena air pasang.

Katanya, ditambah dengan keadaan fenomena angin monsun serta kerosakan pada salah satu pintu baraj di Sungai Melaka antara faktor mengakibatkan air melimpah ke kawasan kediaman berhampiran sungai di

daerah Melaka Tengah.

Beliau berkata, cadangan menaik taraf kolam terbabit telah dikemukakan sejak lima tahun lalu namun belum dapat dilaksanakan.

"Jadi, cadangan sejak enam tahun lalu adalah kita menyediakan kolam takungan atau 'flood mitigation' sebagaimana kolam takungan 60 hektar, maknanya enam kali (ganda) daripada kawasan di bela-

kang kita ini (Kolam Takungan Banjir Sungai Putat).

"Ini mungkin akan memberi satu gambaran kepada kita bahawa penduduk tidak boleh tidur lena dengan kolam takungan seluas sembilan hektar.

"Maknanya satu per enam daripada kapasiti yang ada, jadi cadangan daripada pihak yang melakukan kajian tersebut ialah kawasan ini memerlukan kawasan seluas 60 hektar bagi menampung jumlah hujan seperi 17 Mei lepas," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan di Kolam Takungan Banjir Sungai Putat di sini, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Idris berkata, projek menaik taraf kolam terbabit terkandung dalam agenda kerajaan



IDRIS

negeri menerusi Rancangan Melaka Bebas Banjir 2035.

"Kita memerlukan kira-kira RM350 juta untuk melaksanakan ran cangan berkenaan termasuk menaik taraf kolam takungan itu," katanya.

## MPHTJ peruntuk RM900,000 atasi banjir

**PENGKALAN BATU** – Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) akan memperuntukkan RM900,000 bagi menambah baik kolam takungan di kawasan yang paling teruk terjejas banjir dan dijangka siap November ini.

Yang Dipertua, Datuk Shadan Othman berkata, peruntukan itu diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Banjir yang dilakukan secara dalaman semalam dengan sebut harga projek berkenaan akan dikeluarkan dalam masa terdekat.

Katanya, pembesaran kolam takungan itu membabitkan tiga kawasan perumahan yang paling mendesak ketika ini iaitu di Taman Bukit Beruang Utama dan Taman Melawis, masing-masing mempunyai satu dan dua kolam takungan.

"Selepas sebut harga dikeluarkan, projek ini akan dimulakan secepat mungkin dan kita menyasarkan ia dapat disiapkan sebelum November ini."

"Kita berharap sangat projek penambahan yang dilakukan dapat untuk mengurangkan permasalahan banjir di sekitar Bukit Beruang yang kerap berlaku dan

memberi kesan kepada penduduk," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam Misi Pembersihan Pasca Banjir peringkat MPHTJ yang dijalankan secara serentak di empat lokasi, membabitkan 700 kediaman di Taman Bukit Beruang Utama, Taman Melawis, Bukit Beruang Bistari dan Kampung Pulau Nibong.

Hadir sama, Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Datuk Norhizam Hassan Baktee.

Mengulas lanjut, Shadan berkata program itu bagi membantu penduduk terjejas membersihkan barang-barang serta perabot yang rosak akibat banjir dan menghantar barang itu ke tapak pelupusan yang dikhususkan.

Jelasnya, program sehari itu penting untuk memastikan segala sampah-sarap dan bahan buangan dibersihkan segera bagi mengelakkan timbulnya wabak lain seperti kencing tikus dan denggi.

"Seramai 200 petugas daripada pelbagai agensi termasuk anggota MPHTJ, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Jabatan Kerja Raya serta pemimpin setempat terlibat dalam program ini," katanya.

### WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
24 MEI 2021	5.48 am	7.01 am	1.10 pm	4.34 pm	7.16 pm	8.30 pm
25 MEI 2021	5.48 am	7.01 am	1.11 pm	4.34 pm	7.17 pm	8.31 pm
26 MEI 2021	5.48 am	7.01 am	1.11 pm	4.35 pm	7.17 pm	8.31 pm
27 MEI 2021	5.48 am	7.01 am	1.11 pm	4.35 pm	7.17 pm	8.31 pm
28 MEI 2021	5.48 am	7.01 am	1.11 pm	4.35 pm	7.17 pm	8.32 pm
29 MEI 2021	5.48 am	7.02 am	1.11 pm	4.35 pm	7.17 pm	8.32 pm
30 MEI 2021	5.48 am	7.02 am	1.11 pm	4.36 pm	7.18 pm	8.32 pm

# Pesawah, petani terkesan banjir disaran tampil ke depan - Norhizam

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**PENGKALAN BATU** – Kerajaan negeri memohon petani, pesawah dan penternak yang terkesan banjir tampil memberikan butiran lengkap permasalahan dan jumlah kerugian dialami.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Penternakan dan Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri Datuk Norhizam Hassan Baktee berkata, setakat ini pihaknya belum menerima data lengkap berhubung perkara itu kerana tiada laporan dibuat.

Jelasnya, laporan dan data lengkap itu sangat penting untuk pihaknya memohon bantuan khas daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk disalurkan kepada mereka yang terjejas.

"Saya difahamkan, bencana banjir kali ini paling banyak memberi kesan kepada pesawah. Namun, ada juga dalam kalangan petani dan penternak ikan mengalami nasib yang sama apabila semua yang diusahakan

mereka terjejas akibat banjir yang melanda negeri ini.

"Jadi, kita mohon sangat kepada golongan yang terkesan untuk tampil ke depan. Kita minta mereka untuk buat laporan polis dan berikan segala data serta gambar kepada saya.

"Dengan cara itu, saya boleh menyalurkan maklumat berkenaan kepada Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah untuk memohon bantuan khas yang boleh disalurkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui menyertai program pembersihan pasca banjir yang dikelakaran Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) di Kampung Pulau Nibong, di sini, yang menjadi antara kawasan paling teruk terjejas banjir.

Dalam program itu, beliau turut menyampaikan sumbangan berbentuk peralatan untuk membantu penduduk membersihkan rumah kediamaan masing-masing bagi mengelak-



**NORHIZAM**

kan berlakunya sebarang wabak penyakit yang lain.

Norhizam memaklumkan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Batu sahaja, lebih 200 kediaman terlibat dengan musibah banjir yang berlaku berikutan hujan lebat berterusan dan fenomena air pasang besar yang berlaku serentak.



**KETUA MENTERI DATUK SERI UTAMA SULAIMAN MD ALI** menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penduduk yang terjejas akibat banjir di Taman Awam Ayer Molek, baru-baru ini.

## Sistem perparitan tidak berfungsi punca banjir kilat

**Farah Suhaidah Othman**

**AYER KEROH** - Kesedaran orang awam terhadap kebersihan sungai dan tindakan kerajaan negeri mengangani sistem perparitan memainkan peranan penting bagi mengurangkan risiko banjir kilat di kawasan penempatan.

Pakar Kejuruteraan Air dan Hydraulik Sekitaran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Wan Hanna Melini Wan Mokhtar berkata, kejadian banjir kilat selalunya berpunca daripada satu atau beberapa siri kejadian hujan dengan taburan hujan yang tinggi dalam tempoh jangka masa pendek iaitu satu hingga tiga jam.

Katanya, musibah itu lebih cenderung berlaku di bandar yang pesat membangun seperti Lembah Klang atau Melaka sekali gus memberi kesan terhadap penempatan rakyat.

"Maknanya, jika taburan hujan

tinggi, sama ada air larian atau sungai akan melimpah melebihi daripada kapasiti sistem perparitan/takungan banjir yang dibina atau sungai untuk menampung jumlah air itu.

"Ditambah pula dengan sistem perparitan yang tidak diselenggara, ia akan memburukkan lagi aliran air," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, dalam kes sebegini rakyat mengambil peranan 70 peratus untuk memastikan sistem perparitan di negeri ini terjaga dalam tempoh jangka panjang.

"Masyarakat perlu bergotong-royong secara kerap membersihkan sungai atau parit di kawasan kediaan tidak dipenuhi sampah sarap demi memastikan aliran air berjalan lancar.

"Perancangan kerajaan negeri untuk menaik taraf kolam takungan air kepada kapasiti yang lebih luas di-



**DR WAN HANNA**

lihat suatu inisiatif yang baik namun perkara itu memerlukan analisa atau kajian sama ada ia berkesan untuk mengatasi masalah banjir kilat.

"Biasanya tempoh kajian dilakukan boleh mengambil masa dalam tempoh tiga hingga enam bulan (untuk kes kecemasan) atau sehingga ke dua tahun sebelum merancang pembinaan kolam takungan banjir," katanya.

Dr Wan Hanna berkata dalam pada itu, sekiranya kejadian hujan lebat tersebut berlaku pada masa yang sama dengan fenomena air pasang laut, ianya menyumbang kepada peningkatan pada paras air di sungai.

Jelasnya, dalam keadaan jumlah air yang tinggi dari kawasan hulu dan kejadian air pasang di kawasan hilir, ia menyebabkan air sungai melimpah ke kawasan penempatan.

**“ Perancangan kerajaan negeri untuk menaik taraf kolam takungan air kepada kapasiti yang lebih luas dilihat suatu inisiatif yang baik namun perkara itu memerlukan analisa atau kajian sama ada ia berkesan untuk mengatasi masalah banjir kilat. ”**

### SENARAI KAWASAN YANG TERJEAS BANJIR DI MELAKA PADA 17 HINGGA 20 MEI 2021

#### DAERAH MELAKA TENGAH

- Kg Sungai Putat
- Taman Bukit Beruang Utama
- Taman Rambai Jaya
- Taman Rambai Utama
- Tanjung Minyak
- Taman Bukit Beruang Bestari
- Tanjung Minyak
- Kg Pengkalan Batu
- Rumah Awam, Ayer Molek
- Balai Panjang
- Tebing Tinggi, Bukit Katil



#### DAERAH ALOR GAJAH

- Kg Bukit Tambun, Durian Tunggal
- Kg Bukit Balai, Durian Tunggal
- Kg Padang Keladi, Durian Tunggal
- Taman Kasawari, Durian Tunggal
- Kg Belimbing Dalam

#### DAERAH JASIN

- Tanjung Laboh, Tehel
- Lubok Kasau, Bemban
- Taman Tuah Perdana
- Paya Kundang
- Pengkalan Badak
- Parit Lampong



Farah Suhaidah Othman

**AYER KEROH** – Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) awam pertama diaktifkan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) pada 21 Mei lepas bagi menempatkan pesakit COVID-19 bergejala ringan.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, pembukaan pusat berkenaan sekali gus menjadikan ia PKRC yang keenam secara keseluruhannya di Melaka.

Lima PKRC sedia ada adalah Asrama Jururawat Hospital Melaka; Penjara Sungai Udang, Penjara Koreksional Jasin (PKJ); Depot Tahanan Imigresen Machap Umboo dan PKRC Henry Gurney.

Beliau berkata, pusat berkenaan itu akan menampung jumlah pesakit bergejala ringan dari negeri ini sahaja dengan penyediaan katil sebanyak 1,000 hingga 1,200 unit.

"Menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), kita telah bersetuju untuk membuka PKRC awam di MITC bagi pesakit kategori 1 dan kategori 2.

"PKRC ini akan menerima pesakit seawal pada bermula 21 Mei yang terdiri daripada pesakit dari negeri ini sahaja.

# PKRC awam pertama di Melaka dibuka di MITC



SULAIMAN (tiga kiri) bersama Hasim (dua kiri) dan Jailani (kanan) melihat kemudahan katil yang disediakan di dewan kuarantin yang menempatkan lebih 1,000 katil pesakit COVID-19 di PKRC MITC, baru-baru ini. FOTO MR. Azli

"Pembukaan PKRC itu susulan berlakunya kesesakan di PKRC MAEPS, Serdang akibat peningkatan kes

mendadak di Selangor dan Kuala Lumpur.

"Bagi pesakit dari negeri ini seramai 285 orang yang

sedang dirawat di MAEPS, Serdang kekal menerima rawatan di sana, manakala PKRC ini menempatkan pe-

sakit baharu," katanya pada sidang media selepas melawat PKRC MITC, di sini, baru-baru ini.

## Pesakit COVID-19 mula masuk ke PKRC MITC

Liana Sahabudin

**PUSAT** Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) awam di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) kini sudah mula beroperasi pada 21 Mei lepas.

Tinjauan Melaka Hari Ini (MHI) pada hari pertama pusat itu beroperasi mendapati lima pesakit terawal tiba dengan menaiki van dan memasuki ruang pusat tersebut melalui Pintu C MITC.

Mengikut jangkaan, seramai 40 hingga 80 pesakit berisiko rendah yang terawal memasuki PKRC awam MITC pada hari pertama ia beroperasi.

Hasil pemerhatian MHI pada hari pertama tersebut mendapat kemasukan pesakit-pesakit COVID-19 berisiko rendah ke PKRC awam itu dalam keadaan terurus dan terkawal.

Malah petugas barisan hadapan yang terlibat telah melakukan persiapan rapi sejak awal pagi untuk menerima kemasu-

kan pesakit berkenaan.

Petugas barisan hadapan turut melakukau pemeriksaan kawasan dengan rapi, menyusun atur katil selain mendengar taklimat khusus bagi urusan kemasukan pesakit agar segalanya berjalan dengan lancar.

Pembukaan PKRC tersebut adalah rentetan kesesakan di PKRC Bersepadu Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) disebabkan peningkatan kes COVID-19 secara mendadak terutama di Selangor dan Kuala Lumpur.

## Melaka rekod kluster pertama berpunca ziarah Aidilfitri

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**AYER KEROH** – Melaka mencatat kluster pertama berkait ziarah Aidilfitri menerusi Kluster Batu Lapan Bukit Rambai yang direkodkan pada 20 Mei lepas.

Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dalam satu keadaan berkata, kes itu tercetus daripada seorang lelaki berusia 70 tahun yang bergejala.

Kes bagaimanapun disyaki mula merebak semasa Hari Raya pertama, apabila semua sanak saudara berkumpul untuk menziarahi kes yang sedang sakit.

"Seramai 28 orang kontak rapat telah disaring membabitkan individu dari daerah Melaka Tengah dan Jasin dan sehingga hari ini (20 Mei), seramai 12 kes dikesan positif," jelas kenyataan itu.

Jabatan berkenaan turut memaklumkan pertambahan dua lagi kluster baharu, melibatkan tempat kerja iaitu Kluster Jalan Dato Dol Said dan Kluster Bukit Tempayan.

Kluster Jalan Dol Said melibatkan majoriti kakitangan jabatan kerajaan di daerah Alor Gajah yang kemudian turut merebak ke daerah Jasin yang kini telah merekodkan 27 kes positif dan 136 kontak rapat.

Manakala Kluster Bukit Tempayan pula disyaki tersebar menerusi jangkitan sporadik (komuniti) yang kemudian menular ke dua tempat kerja yang berlainan.

Kluster itu, setakat 20 Mei lalu mencatat 11 kes positif dan seramai 62 kontak rapat telah disaring.



KELIHATAN pesakit COVID-19 berisiko rendah yang dibawa menerusi kenderaan tiba di Pintu C MITC pada 21 Mei lepas.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Antidadah negeri, Datuk Rahmad Mariman; Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan negeri, Datuk Muhammad Jailani Khamis serta Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr. Hasim Hasan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kira-kira 500 petugas barisan hadapan termasuk 200 daripadanya terdiri daripada kakitangan KKM akan ditempatkan di PKRC berkenaan.

Jelasnya, persiapan sedang giat dijalankan sebelum menerima pesakit termasuk menyediakan kelengkapan katil serta penghantaran kelengkapan perubatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"PKRC ini menggunakan ruang dewan A dan B dengan penggunaan katil 'single' dan 'double' bagi kapasiti maksimum mencecah 2,000 pesakit secara maksimum.

"Ia turut dilengkapi lapan tandas bagi setiap ruang dewan bagi kesesuaian pesakit," katanya.

Untuk rekod, setakat ini jumlah kapasiti katil di Hospital Melaka bagi rawatan pesakit COVID-19 mencecah 63 peratus manakala jumlah katil bagi pesakit sama di Unit Rawatan Rapi (ICU) hospital berkenaan mencapai kapasiti maksimum.

## RANGKUMAN SUASANA SOLAT SUNAT AIDILFITRI SEKITAR MELAKA



YANG di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam (kanan) bersama Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (tengah) serta Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Dr Hasim Hasan (kiri) ketika menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Al-Azim di Bukit Palah pada 13 Mei lepas.



JEMAAH wanita di Surau Al-Falah Rumah Awam Pualu Sebang kelihatan memakai pelitup muka sebagai mematuhi SOP yang ditetapkan oleh kerajaan.



JUMLAH jemaah yang sertai solat sunat Aidilfitri di Masjid Al-Sultan Abdullah di Masjid Tanah kelihatan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan, merangkumi jumlah jemaah dibenarkan serta menjaga jarak fizikal.



ANGGOTA Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) bertugas ketika memeriksa suhu badan jemaah yang hadir menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Al-Ehsan, Bukit Baru.



KELIHATAN sebahagian jemaah di Masjid Al-Amin di Kampung Sungai Buloh, Alor Gajah, tidak memasuki ruang solat masjid tersebut selepas ruang sedia ada sudah capai kapasiti maksimum berdasarkan SOP yang ditetapkan oleh kerajaan negeri sebelum ini.



ANGGOTA bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBDP) Alor Gajah menunaikan solat sunat Aidilfitri di surau balai tersebut baru-baru ini.

# TYT Melaka ucap Selamat Hari Raya Aidilfitri

**ALHAMDULILLAH** segala puji bagi Allah, tuhan sekalian alam, selawat serta salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, keluarga serta para sahabat dan pengikut yang istiqamah menurut baginda hingga hari kiamat. Setelah melalui fasa sebulan madrasah Ramadan, maka pada 1 Syawal adalah kemuncak kepada kemenangan umat Islam dalam beribadat, marilah kita bersama-sama memperbanyak takbir dan tahlid, memuji kebesaran ilahi.

Pada tahun ini kita sekali lagi menyambut Aidilfitri dalam keadaan negara kita dilanda penularan wabak COVID-19, kehidupan dalam norma baharu perlu dihadapi dengan penuh ketabahan bagi beberapa tahun mendatang. Saya menyeru kepada semua khususnya rakyat Melaka mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Amalkan nasihat yang diberi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) khususnya di musim perayaan Aidilfitri ini iaitu kerap cuci tangan dengan sabun, pakai pelitup muka, elak bersalaman dan bersentuhan serta dapatkan rawatan awal jika bergejala.

Selain itu, saya turut menasihati masyarakat khususnya di Melaka untuk elakkan daripada berkumpul di tempat sesak, berada di tempat sempit dan tertutup serta bersempang dalam jarak dekat. Penularan rantaian COVID-19 ini hanya akan dapat diputuskan sekiranya kita semua mengambil tanggungjawab dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

Hadirin sekalian, salah satu tuntutan agama dalam bulan Ramadhan, adalah membayar zakat fitrah, kewajipan membayarnya adalah untuk membantu golongan miskin dan kurang berkemampuan. Tahap ekonomi rakyat Melaka terdiri dari pelbagai peringkat, ada yang masih memerlukan sokongan, dan bantuan daripada golongan yang berada. Menunaikan ibadat zakat tidak akan menjadikan kita miskin malahan boleh menyucikan harta kita, menggembirakan hati orang lain, serta mententeramkan hati sendiri. Oleh itu bayarlah zakat fitrah melalui mana-mana amil yang ditauliahkan.

Sepanjang perayaan ini, saya amat mengharapkan agar orang ramai dapat mengutamakan keselamatan diri dan keluarga walaupun kita menyambut Aidilfitri dalam keadaan sederhana akibat masih dibelenggu penularan COVID-19. Elakkan daripada bermain mercun, serta sebarang barang letupan yang boleh membahayakan diri selain membazirkan wang ringgit.

Saya turut mengambil kesempatan untuk menzahirkan penghargaan yang tidak terhingga kepada kakitangan awam dan swasta khususnya petugas barisan hadapan yang masih bertugas sepanjang perayaan ini demi memastikan segala urusan di tempat kerja berjalan seperti biasa, di samping memberi peluang kepada rakan-rakan yang lain menyambut hari lebaran bersama keluarga tercinta. Demikian

juga kepada kaum keluarga mereka yang memahami akan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh ahli keluarga masing-masing di musim perayaan ini. Hanya Allah Taala yang mampu membala segala pengorbanan mereka.

Bersempena bulan yang mulia ini, marilah kita bersatu hati untuk mebersihkan diri dengan sifat mahmudah iaitu luhur, serta menjauhi sifat mazmumah iaitu keji sekiranya mahu menziarahi jiran terdekat. Patuhilah SOP yang ditetapkan oleh pihak kerajaan demi kebaikan semua pihak. Kepada ahli keluarga yang berjauhan, dan tidak dapat pulang ke kampung atas faktor halangan rentas negeri, bersabarlah dan terus berdoa mudah-mudahan keadaan getir ini akan kembali pulih seperti sedia kala. Gunakanlah alat teknologi moden pada hari ini seperti panggilan video kepada ibu bapa dan anak saudara yang berjauhan untuk mengubati rasa kasih dan rindu.

Moga lebaran kali ini, akan menjadi sambutan yang luar biasa untuk kita semua. Di kesempatan ini juga, saya bersama isteri dan sekeluarga ingin menyusun sepuluh jari memohon ampun dan maaf sekiranya ada kekhilaftan sepanjang saya menjalankan tugas di Melaka. Semoga Allah Taala akan kurniakan rahmat dan kesejahteraan kepada rakyat negeri ini serta diberikan hidayah serta petunjuk dan panduan bagi membolehkan saya menyempurnakan amanah dengan adil lagi saksama di negeri ini InsyaAllah.

Sebulan penuh kita berpuasa, moga digolongkan dengan mereka yang berjaya, diperintah sudah oleh yang berkuasa, sesudah berpuasa kita beraya. Selamat Hari Raya Aidilfitri maaf zahir dan batin.



**YANG di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam bersama isteri, Toh Puan Asmah Abdul Rahman.**

## Solat Aidilfitri dilaksanakan penuh kesyukuran



**MOHD Ali (baju ungu) dan Sulaiman (baju hitam) menyapa jemaah yang hadir menuaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Al-Azim pada 13 Mei lepas.**

Faiz Hasan

**BUKIT PALAH** – Umat Islam negeri ini menyambut 1 Syawal dengan penuh kelegaan dan kesyukuran selepas diberi kebenaran menuaikan solat Sunat Aidilfitri biarpun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0).

Penganjuran solat sunat itu yang diadakan di Masjid Al-Azim di sini pada 13 Mei lepas, menerima sambutan hebat umat Islam selepas kerajaan membenarkan jumlah jemaah berdasarkan kapasiti masjid.

Tinjauan Melaka Hari Ini mendapati hampir 1,400 jemaah memenuhi ruangan utama masjid negeri itu dengan penjarakan 1.5 meter, malah ia turut disertai kira-kira 200 jemaah wanita.

Solat sunat itu turut dihadiri Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam dan turut diiringi Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md. Ali, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Dr Hasim Hasan serta tetamu lain.

Ibadah itu dimulakan dengan alunan takbir raya yang dipimpin oleh Imam 3 masjid itu, Ustaz Zulhusni Mokhtar.

Kemudian Imam Besar Masjid Al-Azim Datuk Mohamad Hashim Al Hafiz mengimamkan solat sunat Aidilfitri sebelum menyampaikan khutbah bertajuk 'Mensyukuri Nikmat Kemenangan'.

Sebelum ini, Melaka mengumumkan kebenaran penganjuran ibadah itu di seluruh masjid dan surau terpilih di negeri ini.

Bagaimanapun, kerajaan menegaskan penganjuran itu hanya dibenarkan dalam kariah masing-masing dan tidak dibenarkan merentas kariah sekeras masjid telah dipenuhi.

Kerajaan turut tidak membenarkan jamuan selain solat di surau atau masjid hanya dikhatuskan untuk warganegara bagi memutuskan rantaian COVID-19.

# Promosi destinasi Melaka melalui konsep 'hibrid'

Liana Sahabudin

**AYER KEROH** - Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Jabatan Ketua Menteri Melaka mengambil pendekatan memperluaskan promosi destinasi Melaka melalui kaedah atas talian berkonseptan 'hibrid' bagi tempoh enam hingga 12 bulan ke hadapan.

Pengurus Besarnya, Saari Basiron berkata, pendekatan itu dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Tourism Malaysia dan badan bukan kerajaan (NGO) pelancongan negeri ini.

"Kami (BPP) akan buat promosi seperti MITA Cuti-Cuti Malaysia bersama Shopee Travel Fair 2021 (17-21 Jun 2021), kempen promosi bersama Lazada (7 Julai 2021), Program Cuti-Cuti Melaka & Malaysia (20-22 Ogos 2021), Millennial, Sport & Adventure Hybrid Seminar bersama Tourism Malaysia Jakarta (26 Ogos, 14 Oktober &

9 Disember 2021).

"Misi Galakan Pelancongan 'Travel Bubbles' ke Ipoh, Kuantan dan Alor Setar (Jun-Ogos 2021), Destination Passport Book Mempromosikan Produk Pelancongan di kawasan Ayer Keroh; dan pengiklanan menerusi Bas Rapid di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Pahang.

"Penganjuran acara utama turut diadakan antaranya Malakka Dutch Week (Julai 2021), Melaka Food & Fruits Fiesta 2021 (23-25 Julai 2021), Karnival Warisan Kita 2021 (Ogos 2021), Karnival Kerjaya & Pelancongan Belia Negeri Melaka (September 2021) dan banyak lagi," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Katanya, terdapat beberapa produk dan perkhidmatan pelancongan baharu yang diusahakan melalui kerjasama Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri (GLC) dengan rakan-rakan strategik bagi tempoh suku tahun ketiga dan keempat 2021.

"Antaranya Bas Pelancongan Elektrik Singgah-Singgah Negeri Melaka, Pakej Pit Stop Melaka River Cruise, Rumah Hantu (House Of Creeps) dan Gastronomic Tourism (Food Tourism Trail).

"Sekiranya situasi mengizinkan, BPP juga akan mengadakan kerjasama dengan Melaka World Heritage Office (MWHO) serta sukarelawan pelancongan (Volunteer Tourism) untuk menganjurkan Program Gotong-Royong Perdana sempena sambutan Melaka Bandaraya Warisan Dunia pada Julai depan.

"Program ini memfokuskan produk pelancongan di kawasan tapak warisan dunia, supaya tahap kebersihan dan keceriaan produk pelancongan berteraskan sejarah dan warisan ini pada tahap paling optimum," katanya lagi.

Dalam pada itu, Saari meminta supaya kerajaan negeri mempertimbangkan untuk memberi keutamaan suntikan vaksin COVID-19 di



SAARI

bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Fasa 3 kepada penggiat industri pelancongan Melaka.

"Mereka ini merupakan kumpulan yang dikategorikan sebagai 'economic frontliners' yang perlu diberi perhatian dalam pemberian vaksin COVID-19.

"Dianggarkan terdapat seramai 55,200 penggiat industri di ne-

geri ini yang merupakan golongan barisan hadapan (*frontliners*) yang berisiko tinggi kepada ancaman COVID-19," katanya.

Saari berharap penggiat industri pelancongan di negeri ini dapat membantu kerajaan negeri dalam memberi idea dan pandangan untuk mempromosikan Melaka sebagai destinasi pelancongan utama di Malaysia.

## Vaksin COVID-19

# Pemain industri pelancongan perlu diberi keutamaan

**AYER KEROH** – Pemain industri pelancongan di negeri ini meminta supaya diberikan keutamaan suntikan vaksin COVID-19 sebagai langkah berjaga-jaga.

Presiden Persatuan Pelancongan Melaka (MTA) Madeline Kuah Wey Lee berkata, ia bagi memastikan sektor pelancongan di negeri ini terjamin sekali gus menarik lebih ramai pelancong selepas

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 ditamatkan.

"Semua pemain industri perlu diutamakan dalam pemberian vaksin, bagi meningkatkan keselamatan sektor pelancong pada masa akan datang selain meyakinkan pengunjung ke negeri ini.

"Kita harap kerajaan negeri akan bagi vaksin kepada pemain industri termasuk kakitangan

hotel, restoran serta agen pelancongan," katanya kepada MHI.

Katanya, walaupun Melaka antara negeri yang mengalami situasi sektor pelancongan yang tenat, namun usaha untuk mengekalkan sektor itu agar tidak lumpuh tetap diteruskan.

"Melaka juga alami situasi sektor pelancongan tenat sebab kita tak boleh pergi ke mana-

mana, rentas negeri tak boleh, rentas daerah pun tak boleh.

"Sebab itu perancangan kita kalau PKP 3.0 tamat kita masih teruskan program dengan memberi diskaun 50 peratus kepada pengunjung."

"Kerajaan juga perlu beri lanjutan moratorium, sokongan keuangan dan subsidi program kepada pemain industri pelancongan," katanya lagi.

Sementara itu, Pengurusi Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembawaan Malaysia (MATTA) Melaka Goh Hock Gin meminta supaya Gelembung Perjalanan Domestik dapat diteruskan semula selepas PKP 3.0.

"Ini sebagai langkah untuk menarik semula pelancong ke Melaka sekiranya rentas negeri masih tidak dibenarkan.

"Bukan itu sahaja, program vaksinasi untuk sektor pelancongan di Melaka juga perlu diutamakan bagi membantu keselamatan pengunjung."

"Walaupun vaksin COVID-19 tidak dapat membantu 100 peratus, namun ia dapat mengawal penularan wabak ini dari semasa ke semasa," katanya.

Katanya, walaupun sektor pelancongan ditutup sepenuhnya, namun kebijakan serta gaji pekerja tetap dibayar.

"Walaupun pendapatan tak

masuk kita tetap kena bayar 30 peratus gaji kakitangan, itu belum masuk kos operasi dan utiliti yang perlu ditanggung," katanya.



MADELINE



HOCK GIN



SEKTOR pelancongan di Melaka terkesan dengan pelaksanaan PKP 3.0.

# 100 jemaah sahaja dibenarkan solat Jumaat di masjid

Farah Suhaidah Othman


**AYER KEROH** – Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) membatalkan prosedur operasi standard (SOP) aktiviti solat jemaah dan program pengimaran mengikut kapasiti masjid dan surau dan menguatkuasakan ketetapan baharu susulan peningkatan mendadak kes COVID-19 di negeri ini.

Pengarhunya Datuk Che Sukri Che Mat berkata, ketetapan baharu yang berkuatkuasa 20 Mei hingga 7 Jun depan itu hanya membenarkan solat fardhu berjemaah dengan kehadiran maksimum 20 jemaah bagi masjid dan 10 jemaah bagi surau.

Katanya, bagi pelaksanaan solat Jumaat di masjid, jumlah jemaah dibenarkan adalah 100 orang termasuk ahli jawatankuasa masjid.

"Bagi solat Jumaat di surau pula, seramai 50 jemaah termasuk jawatankuasa surau dibenarkan," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini, di sini pada 20 Mei lepas.

Mengulas lanjut, Che



**BERKUATKUASA 20 Mei hingga 7 Jun depan, solat fardhu berjemaah dibenarkan dengan kehadiran maksimum 20 jemaah bagi masjid dan 10 jemaah bagi surau, manakala solat Jumaat di masjid pula 100 orang termasuk ahli jawatankuasa masjid dan solat Jumaat di surau 50 jemaah termasuk ahli jawatankuasa surau.** GAMBAR FAIL MHI

Sukri berkata bagi pelaksanaan solat jenazah, hanya 20 jemaah termasuk jawatank-

uasa dan waris dibenarkan di masjid dan 10 jemaah di surau.

"Bagi aktiviti pengimara-

han seperti ceramah, bacaan Yasin dan tahlil, bengkel dan kursus serta penganjuran

majlis ditangguhkan.

"Sementara, kebenaran bagi majlis akad nikah di mas-

jid dan surau ditentukan oleh Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) berkaitan," katanya.

## 46.7 peratus rakyat Melaka sudah mendaftar vaksin



**JUMLAH** rakyat Melaka yang sudah mendaftar sebagai penerima vaksin COVID-19 meliputi 46.7 peratus daripada 701,000 populasi rakyat di negeri ini yang berusia 18 tahun dan memenuhi kriteria yang ditetapkan. GAMBAR FAIL MHI

Farah Suhaidah Othman

**AYER KEROH** – Jumlah individu yang mendaftar sebagai penerima vaksin di negeri ini mencecah 327,101 orang atau 46.7 peratus.

Menurut statistik dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri pada 19 Mei lepas, jumlah itu meliputi 46.7 peratus daripada 701,000 populasi rakyat di negeri ini yang berusia 18 tahun dan memenuhi kriteria bagi menerima vaksin.

"Daerah Alor Gajah merekodkan pendaftaran seramai 68,214 daripada 153,000 orang atau 46.7 peratus individu yang memenuhi kriteria untuk menerima vaksin.

"Manakala daerah Melaka Tengah merekodkan pendaftaran seramai 209,358 daripada 431,500 individu atau 48.5 peratus.

"Bagi daerah Jasin, seramai 49,529 daripada 116,500 individu yang mendaftar sebagai penerima vaksin telah direkodkan atau 42.5 peratus," kata kenyataan itu.



MyHEALTH

MYHEALTHKKM

Bersama Hentikan Wabak COVID-19



SCAN ME

## 5 TAHAP JANGKITAN COVID-19

- 1** Tidak menunjukkan sebarang gejala
- 2** Bergejala ringan, tiada radang paru-paru
- 3** Bergejala, mengalami radang paru-paru
- 4** Bergejala, mengalami radang paru-paru yang memerlukan bantuan oksigen
- 5** Bergejala kritikal, memerlukan rawatan intensif di Unit Rawatan Rapi (ICU)

INFOGRAFIK : MELAKA HARI INI SUMBER : KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# Polis tumpas sindiket pengedaran dadah bernilai RM4.2 juta

Farah Suhaidah Othman

**BUKIT BERUANG** – Taktik licik sindiket pengedaran dan penyeludupan dadah antarabangsa yang menggunakan borang kebenaran pengoperasian syarikat Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang dipalsukan bagi meloloskan diri dalam sekat jalan raya (SJR), tumpas susulan penahanan empat individu baru-baru ini.

Serbuan dijalankan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) negeri dengan kerjasama Agensi Pengawalaan Maritim Malaysia (APMM) pada jam 5.30 petang itu turut merampas dadah diperdayai syabu bernilai RM4.2 juta yang ditemui di but kereta jenis Volkswagen Passat berwarna putih.

Ketua Polis Melaka Datuk Abdul Majid Mohd Ali berkata, susulan maklumat daripada



ABDUL Majid (dua kanan) menunjukkan borang pengoperasian syarikat MITI yang dipalsukan anggota sindiket pengedaran dadah pada sidang media di IPK Melaka di Bukit Beruang pada 17 Mei lepas.

APMM, pihaknya melancarkan dua serbuan berasingan di Tanjung Keling dan Muar, Johor.

Katanya, dalam serbuan pertama pihaknya menahan dua lelaki berusia 39 dan 40

tahun di dalam kereta terbabit yang dipercayai sedang menunggu untuk menyeludup dadah berkenaan menerusi jalan laut.

"Pemeriksaan lanjut dalam kereta berkenaan mene-

mukan dadah syabu seberat 104.6 kilogram (kg) dianggar bernilai RM4.2 juta.

"Semua dadah berkenaan disorokkan dalam ruangan diubahsuai yang ditutupi dengan sistem audio di but kereta

terbabit.

"Ketika ditahan kita pernyatakan kedua-dua suspek sedang menunggu untuk membawa semua dadah itu untuk diseludup ke negara jiran melalui jalan laut bagi pasaran luar negara," katanya pada sidang media di Mes Pegawai Kanan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka di sini, pada 17 Mei lepas.

Menurutnya, siasatan lanjut mendapati kedua-dua suspek itu memalsukan surat kebenaran pengoperasian syarikat MITI dengan mengaku menjalankan perniagaan alat ganti kenderaan untuk melakukan pergerakan rentas negeri bagi mengaburi pihak berkuasa.

Mengulas lanjut, Abdul Majid berkata, susulan penahanan itu, pihaknya membuat satu lagi serbuan di sebuah rumah di Muar, Johor baru-baru ini sebelum menahan

seorang lelaki berusia 40 tahun yang bekerja sebagai ahli kimia bersama teman wanitanya berusia 33 tahun.

"Dalam serbuan itu, polis merampas pelbagai barang kemas bernilai RM22,506 dan wang tunai RM13,897 serta mata wang asing berjumlah RM713.08 serta menyita tiga kereta PERODUA Myvi.

"Siasatan lanjut mendapati sindiket itu dipercayai aktif menjalankan kegiatan itu sejak setahun lalu," katanya.

Beliau berkata, penahanan semua suspek dan rampasan dadah itu menjadikan ia adalah rampasan terbesar di Melaka setakat ini.

Katanya, semua suspek yang mempunyai rekod lam-pau membabitkan jenayah dan dadah itu direman tujuh hari sehingga Rabu ini untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.



Semua Boleh Belajar

## Ambilan Mei 2021 Kini Dibuka

- > Program diakreditasi oleh MQA
  - > Gunakan pengalaman kerja untuk kemasukan melalui APEL
  - > Belajar dalam talian tanpa meninggalkan keluarga dan kerjaya
  - > Pembiayaan mudah dengan pinjaman PTPTN, pengeluaran KWSP dan HRDF
  - > Diskaun 10% setiap semester
  - > Diskaun 15% setiap semester khas buat alumni. Pasangan, anak dan adik-beradik layak memohon.
  - Tertakluk terma dan syarat
- \* Program dijalankan secara dalam talian.  
Tertakluk terma dan syarat.

Pilihan yang fleksibel

Biasiswa  
RM1 Juta

Diploma dan Sarjana Muda

Pengajian Separuh Masa

HARI  
Terbuka

26-28  
MAC  
2021

23-25  
APR  
2021

28-30  
MEI  
2021

Ganjaran rebat sehingga RM400 untuk tempoh yang terhad. Jangan lepaskan peluang ini!

Daftar dalam Talian Sekarang  
[oum.edu.my](http://oum.edu.my)

PUSAT PEMBELAJARAN MELAKA

06-2921852

019-2181851

019-2663628

OUM Melaka

# “Arwah tiba-tiba menjadi sangat manja” – Ibu kanak-kanak lemas

**Muhd Rizanizam Hamid**

**BUKIT PALAH 19** – “Pantulah sejak kebelakangan ini, Azhan (Badrol Azhan Nizam Bachik, 9) selalu cium pipi saya dan berubah menjadi sangat manja.

“Rupanya ia adalah petanda anak bongsu saya itu akan meninggalkan saya buat

selama-lamanya.”

Itu luahan sebak Rohana Sukiman, 43, kepada wartawan mengenai perubahan sikap anaknya itu yang ditemukan lemas di dalam tali air di Kampung Gelam, Tanjung Kling, pada pagi 19 Mei lepas oleh pasukan Multi-Skill Team (MUST) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Penemuan itu susulan operasi mencari dan menyelamat (SAR) sejak petang 18 Mei untuk mencari mangsa yang pada awalnya dilaporkan hilang dalam kejadian sama turut mengorbankan rakan karibnya, Muhammad Fakhruallah Rozami, 9, yang ditemukan lemas oleh bapanya sendiri pada petang 18 Mei lepas.

Seorang lagi mangsa, Muhammad Fakhruddin yang juga kembar dan abang Muhammad Fakhruallah bagaimanapun terselamat.

Menurut Rohana, dia seperti dapat merasakan Azhan tidak melarikan diri dari kawasan tali air itu sejak semalam walaupun banyak pihak mengandaikan anaknya itu berada

di tempat lain.

“Sehingga jam 3 pagi, saya dan suami mencari Azhan (Badrol) tapi setiap kali melalui kawasan tali air, hati saya kuat mengatakan dia sebenarnya ada di situ.

“Rupanya, benarlah seperti apa yang saya rasakan apabila arwah ditemukan di situ pagi tadi (19 Mei),” katanya sebak.

Tambahnya, ketika mendapat tahu Muhammad Fakhruallah ditemukan lemas

melalui kumpulan WhatsApp, dia segera bergegas ke rumah ibu bapa untuk bertanya tentang Azhan.

“Mereka beritahu, Azhan ikut bermain sekali dan memang ketiga-tiga mereka adalah rakan sekelas dan membesar bersama-sama sejak kecil.

“Memang di kebun itulah mereka selalu bermain cuma kejadian banjir menyebabkan air di kawasan itu naik sehingga paras 1.8 meter,” katanya.

## Kanak-kanak 11 tahun korban lemas ketiga

**AYER MOLEK** – Kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun menjadi mangsa lemas ketiga di negeri ini selepas terjatuh di sungai dekat Jalan Tambak Paya Ayer Molek-Kampung Tiang Dua, dekat sini pada petang 19 Mei lepas.

Kejadian menyayat hati ini berlaku tidak sampai 24 jam selepas kejadian pertama meragut nyawa dua kanak-kanak yang lemas di tali air di Kampung Gelam, Tanjung Kling lewat petang 18 Mei lalu.

Komander Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Keroh, Pegawai Bomba Kanan II Zainuddin Abdullah berkata, pihaknya menerima panggilan kejadian jam 3.20 petang dan serentak itu sepasukan anggota dan pegawai bersama sebuah jentera FRT dan EMRS dikejarkan ke lokasi.

Katanya sejurus tiba di lokasi kejadian pihaknya melakukan ‘size up’ dan mendapati kejadian membabitkan kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun terjatuh ke dalam sungai.

“Bomba melakukan pencarian di air sebelum menemukan mayat mangsa kira-kira jam 4.50 petang tadi (19 Mei),” katanya.



ANGGOTA bomba bertungkus-lumus dalam operasi SAR mencari mangsa yang mulanya dilaporkan hilang. Gambar kecil: Muhammad Fakhruallah Rozami (atas), Badrol Azhan Nizam Bachik (bawah)

## Rawatan kanak-kanak radang kulit mencecah RM25,000

**Farah Suhaidah Othman**

**BATU BERENDAM** – Usianya baru 10 tahun namun terpaksa menanggung derita penyakit keradangan kulit ‘pastular psoriasis’ tahap empat, sejak dua tahun lalu.

Muhammad Khairul Affan Khirul dikesan mengalami penyakit kulit sejak berusia enam tahun, namun keadaannya bertambah kritis sehingga tidak mampu berdiri dan hanya terlantar di katil serta tidak boleh terdedah dengan cahaya matahari.

Bapanya, Khirul Che Salleh, 44, berkata, sejak dua tahun lalu dia dan isteri, Rosnah Hamid, 38, berulang-alik ke Hospital Melaka dan Hospital Kuala Lumpur untuk merawat penyakit Muhammad Khairul Affan atau lebih mesra disapa Affan sebelum doktor pakar mengesahkan Affan menghidap penyakit pastular psoriasis tahap empat.

Katanya, doktor memaklumkan penyakit itu sukar diubati dan hanya dibekalkan dengan krim bagi meredakan keradangan kulit yang semakin merebak ke seluruh badan.

“Sejak lapan bulan lalu keadaan Affan semakin teruk hingga



**KHIRUL** menunjukkan kesan luka akibat keradangan kulit dihadapi anaknya.

kulitnya bersisik serta berair sam-pai keluar darah terutama di bahagian perut.

“Bermula dari itu, badannya semakin susut dan Affan tidak mampu bangun, malah tidak boleh

tujuh cahaya mata berusia dua hingga 17 tahun itu berkata, Affan perlu diberi pemakanan khusus termasuk makanan berdasarkan bahan organik sebagaimana disarankan doktor.

Jelasnya, doktor memberitahu penyakitnya berkemungkinan berpunca dari tiga sebab iaitu sama ada daripada keradangan kolon, darah atau hati seninggalan menyebabkan kulit sentiasa mengelupas dan luruh.

“Setiap hari, isteri terpaksa mandikannya sebab jika dibiarakan badannya berbau berikutnya kulitnya sentiasa luruh, berair dan liang kulit kadangkala keluar darah.

“Apabila dimandikan, Affan akan meraung kesakitan sehingga boleh didengari jiran tetangga sampai ada yang anggap kami pukul anak, namun kami terpaksa malah sudah kering air mata untuk menutup kesakitan ditanggungnya,” katanya.

Bagaikan jatuh ditimpa tangga, ketika berdepan masalah kesihatan Affan, Khirul sekali lagi diuji apabila diberhentikan tugas sebagai Penasihat Syariah di sebuah syarikat yang menerpaksa mengurangkan tenaga

kerja akibat pandemik COVID-19 melanda negara Mac tahun lalu.

“Kini saya bergantung kepada pendapatan ihsan menerusi jemputan mengajar agama atau memberi ceramah di masjid.

“Ia hanya sekadar cukup membayar pinjaman bulanan rumah kerana pihak masjid pun sudah perketatkan prosedur standard (SOP),” katanya.

Menurut Khirul, selepas kisahnya tular menerusi laman sosial sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) baru-baru ini, satu kumpulan pengamal perubatan hadir menghulurkan tawaran untuk merawat penyakit anaknya.

“Saya dalam dilema kerana kos untuk merawatnya sebagaimana dimaklumkan mencecah hingga RM25,000 dan kos bulanan dari segi menyediakan kelengkapan ubat dan pemakanan Affan lebih kurang RM2,700, namun kami beli apa yang termampu sahaja.

Orang ramai yang mahu menghulurkan bantuan bagi menampung kos rawatan Muhammad Khairul Affan boleh menyalurkan menerusi akaun Maybank Khirul Che Salleh: 106129006686.

berpeluh serta sentiasa perlu berada dalam keadaan dingin,” katanya ketika ditemui di kediamannya di Taman Sutera Wangi di sini.

Mengulas lanjut, bapa kepada



# MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

## Lensa sumbangan bantuan banjir sekitar negeri Melaka



RUMAH mangsa digenangi air banjir yang agak tinggi



SUMBANGAN wang tunai meringankan beban mangsa banjir.



PEGAWAI Agihan Zakat Daerah Melaka Tengah, Nazri Rahim bersama Skuad Agihan Zakat Melaka (SAZ) MAIM menyampaikan sumbangan wang tunai kepada asnaf, Aminah Sani baru-baru ini. Keadaan beliau yang amat uzur menyukarkan beliau untuk menjalani aktiviti harian dan pihak MAIM turut menyediakan bantuan sakit kronik setiap bulan bagi meringankan perbelanjaan harian.



## LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809  
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415  
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | [www.maim.gov.my](http://www.maim.gov.my)

Email | [admin@maim.gov.my](mailto:admin@maim.gov.my)

Youtube | [majlis agama islam melaka](#) Facebook | [facebook/maimmelaka](#)



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

# HARTA LUQATAH



## LUQATAH

Dari segi bahasa, luqatah ialah sesuatu yang ditemui di tanah. Menurut Syarak pula ialah harta yang ditemui di sesuatu kawasan yang tidak dimiliki, tidak dijaga dan penemu tidak mengenali pemiliknya.

### PERKHIDMATAN HARTA LUQATAH YANG DISEDIAKAN OLEH MAIM

1. Menerima Harta Luqatah (harta yang dijumpai) oleh orang awam.
2. Membuat hebahan kepada orang ramai berkaitan dengan Harta Luqatah selama **SETAHUN**.
3. Membuat proses pelupusan Harta Luqatah yang tamat hebahan selama **1 tahun** sama ada melalui kaedah sebutharga, lelongan, tender atau dimusnahkan.

### PROSEDUR PENYERAHAN HARTA LUQATAH KEPADA MAIM

1. Penemu hendaklah menyerahkan harta yang dijumpai ke MAIM.
2. Penemu perlu mengisi Borang Serahan Harta Luqatah dan menyerahkan barang Luqatah tersebut kepada pegawai bertanggungjawab.
3. Pihak MAIM akan membuat hebahan di masjid-masjid dan premis awam berhampiran harta berkenaan ditemui.

Website: [www.maim.gov.my](http://www.maim.gov.my) Email: [admin@maim.gov.my](mailto:admin@maim.gov.my)

### DALIL HUKUM LUQATAH

*Tidak halal harta luqatah, sesiapa yang menjumpai sesuatu harta maka hendaklah ia hebahkan selama setahun*

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNG:  
**MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA**  
 BAHAGIAN MAL  
 PUSAT ISLAM MELAKA  
 Bukit Palah, 75400 Melaka  
 Tel : 06-283 7416, 06-284 9809, 06-283 2077  
 Fax : 06-282 6033


## HEBAHAN



جایسن کا ملکہ سلا امر ملکہ

### TATACARA MAJLIS AKAD NIKAH DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) MULAI 12 MEI 2021

Jika di PAID - tarikh akad nikah pemohon akan disusun semula mengikut jadual yang ditetapkan



**Kehadiran tidak lebih 10 orang** termasuk Jurunikah/ Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk (NCR), wali, pengantin lelaki, pengantin perempuan, dua (2) saksi daripada PAID/ Masjid Kariah.

Majlis diadakan dalam tempoh **20 minit sahaja** termasuk bacaan khutbah nikah dan taklik.



Hanya maskahwin, borang-borang dan dokumen yang berkaitan dengan majlis sahaja yang dibenarkan berada di dalam ruang majlis.

Pengantin dan keluarga pengantin daripada daerah/ negeri yang berada dalam zon merah hendaklah menjalani ujian calitan COVID-19 dalam tempoh tiga (3) hari sebelum majlis akad nikah. Keputusan ujian calitan hendaklah dikemuka kepada jurunikah sebelum majlis akad nikah.

Majlis hendaklah dilaksana mengikut SOP MKN dan KKM

Pengantin dan keluarga pengantin daripada daerah/ negeri yang berbeza hendaklah mendapatkan kebenaran Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk hadir ke majlis akad nikah. Kelulusan untuk mendapatkan kebenaran merentas daerah/ negeri adalah tertakluk di bawah bidang kuasa pihak PDRM.

Bahagian Undang-Undang Keluarga Islam JAIM (2021)



## 11 PERKHIDMATAN BAITULMAL MAIM

Permohonan Pengalihan Kubur Islam Lama

Kiraan & Agihan Fidyah

Kiraan & Agihan Kaffarah

Khidmat Nasihat Pengurusan Pusaka

Serahan Harta LUQATAH (Barang Terciru)

Tabung Amal Jariah Negeri Melaka (TAJM)

Penandaan Arah Kiblat

Kebenaran/Lanjutan Pungutan Khairat

Harta/Wang Tidak PATUH SYARIAH

Penebusan/Pembelian Bahagian BAITULMAL

Sewaan Hartanah BAITULMAL

Sila Hubungi/ Kunjungi

Seksyen MAL, Majlis Agama Islam Melaka,  
 Pusat Islam Melaka, Bukit Palah, Melaka  
 (06-283 7416 / 06-284 9809)

*"Baitulmal Diperkasa,  
 Ummah Sejahtera"*

# Adakah peniaga dalam talian (*online*) wajib zakat?



Datuk Hj. Ibrahim

Bin Fadzil  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
Zakat Melaka,  
Majlis Agama  
Islam Melaka.

“Manusia perlulah mensyukuri nikmat kurniaan-Nya dan menggunakan amanah yang diberikan dengan sebaik-baiknya khususnya pada jalan Allah SWT.”

**SEDAR** atau tidak Allah SWT telah menuarkan banyak rezeki kepada manusia sama ada dalam bentuk kekayaan harta benda, alam semula jadi dan sebagainya. Manusia perlulah mensyukuri nikmat kurniaan-Nya dan menggunakan amanah yang diberikan dengan sebaik-baiknya khususnya pada jalan Allah SWT.

Seseorang individu yang menjalankan perniagaan sebenarnya mampu untuk memperolehi ganjaran pahala yang lebih iaitu memberi peluang pekerjaan kepada golongan yang tidak mempunyai pekerjaan.

Oleh yang demikian, pengusaha perniagaan yang mendapat keuntungan berganda wajib menunaikan Zakat Perniagaan sebanyak 2.5% daripada jumlah keuntungannya. Zakat Perniagaan ini bukan hanya tertakluk kepada perniagaan besar-besaran sahaja tetapi mereka yang mengusahakan perniagaan kecil-kecilan juga tidak terlepas untuk menunaikan ibadah zakat, lebih-lebih lagi perniagaan dalam talian (*online*).

Memandangkan situasi sekarang ramai yang kehilangan pekerjaan akibat penularan pandemik COVID-19. Justeru itu, bagi meneruskan kelangsungan hidup ramai yang cuba menceburii bidang perniagaan sehingga ada yang sanggup bekerja di pejabat waktu siang dan sebelah malam membuka warung menjual makanan.

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :  
Ibu Pejabat, Tel : 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel : 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel : 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel : 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel : 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel : 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel : 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp  
Info Pertanyaan Zakat – (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat  
– (011-58583900) Laman Web : [www.izakat.com](http://www.izakat.com)

## ZAKAT Online



### Cara-cara Pembayaran Zakat Dalam Talian



SILA LAYARI LAMAN WEB  
[www.izakat.com](http://www.izakat.com)



KLIK BAYARAN ZAKAT DALAM TALIAN  
“BAYAR ZAKAT”



ISIKAN JUMLAH ZAKAT & KLIK  
“BAYAR SEKARANG”



ISIKAN MAKLUMAT DIRI & KLIK  
“BAYAR SEKARANG”



TERUSKAN TRANSAKSI ANDA DENGAN  
MEMILIH KAEDAH PEMBAYARAN

Sila layari [www.izakat.com](http://www.izakat.com) untuk pembayaran zakat secara dalam talian (*online*) atau imbas QR Code di sebelah.




1-300-88-0233 [www.izakat.com](http://www.izakat.com) Zakat Melaka [zakat.melaka](https://zakat.melaka) Zakat Melaka [zakat.melaka](https://zakat.melaka) Zakat Melaka

Hanya 2.5%

“Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi”

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: [www.izakat.com](http://www.izakat.com)

**ZAKAT MELAKA**  
Bersih Jiwa Suci Harta





*Skim*

# BANTUAN MAIM



<b>01</b>   <b>Bantuan Makanan Bulanan</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	<b>02</b>   <b>Bantuan Saraan Anak Sekolah</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	<b>03</b>   <b>Bantuan Saraan Anak IPT</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf
<b>04</b>   <b>Bantuan Sakit Kronik</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	<b>05</b>   <b>Bantuan Sakit Terlantar</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	<b>06</b>   <b>Bantuan Skim Simpanan Fakir</b> Kelayakan : Asnaf fakir sahaja
<b>07</b>   <b>Bantuan Sewa Kediaman (Asnaf)</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	<b>08</b>   <b>Bantuan Rawatan Dialisis</b> (Yayasan Toh Puan Zurina & Sinar Haemodialisis Sdn. Bhd.) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka	<b>09</b>   <b>Bantuan Persediaan Ramadhan Syawal</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf
<b>10</b>   <b>Bantuan Pakaian Sekolah</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	<b>11</b>   <b>Pekerja Sukarelawan</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	<b>12</b>   <b>Bantuan Alat Bantu Pulih</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka
<b>13</b>   <b>Bantuan Khairat Kematian</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	<b>14</b>   <b>Bantuan Yuran Sekolah (Anak Asnaf)</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	<b>15</b>   <b>Bantuan Am</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka
<b>16</b>   <b>Bantuan Kecemasan/ Makanan Kecemasan</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka	<b>17</b>   <b>Bantuan Pembaikan Rumah (Asnaf)</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	<b>18</b>   <b>Bantuan Aidiladha</b> Kelayakan : Asnaf fakir sahaja
<b>19</b>   <b>Bantuan Skim Simpanan Muallaf</b> Kelayakan : Asnaf muallaf sahaja	<b>*terbuka</b>  mengikut Had Kifayah dan kesesuaian kelayakan kategori asnaf	

# PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU

DIPLOMA PENGURUSAN  
PELANCONGAN  
(MQA/PA14599)

KEMASUKAN MEI/JUN 2021

## SYARAT KEMASUKAN

- Lulus SPM dengan mendapat 3 kredit

**RM50**  
sahaja  
Yuran Pendaftaran

## PERCUMA

- Laptop
- Yuran Asrama 2 Semester



KOLEJ  
ANTARABANGSA  
DUNIA MELAYU  
DUNIA ISLAM



**Kunjungi Kami  
Isnin-Jumaat**

10.00 pagi - 4.00 petang



Untuk Kemasukan  
Pelajar



Info Terkini :  
**kadmdi**

SOLEHAH

MARIANA

**013-5875212 012-3099432**

Tingkat 7, Pusat Transformasi Bandar (UTC)  
Jalan Hang Tuah, 75300, Melaka, Malaysia



Layari laman sesawang :  
[www.kolejdmdi.edu.my](http://www.kolejdmdi.edu.my)



[admission@kolejdmdi.edu.my](mailto:admission@kolejdmdi.edu.my)



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI

## PROGRAM PENDIDIKAN JARAK JAUH (PJJ) UPM

Belajar sambil bekerja bukanlah sesuatu yang asing dalam kehidupan pada hari ini. Melalui Program Pendidikan Jarak Jauh PJJ setiap individu berpeluang mengikuti program pengajian ke peringkat Pra Siswazah dan Pasca Siswazah. Program ini menekankan kaedah pembelajaran kendiri. Pembelajaran seperti ini adalah lebih luas dan fleksibel serta memudahkan mereka yang bekerja sambil melanjutkan pengajian masing-masing



### PROGRAM YANG DITAWARKAN

#### Program Master

- Master Pembangunan Sumber Manusia
- Master Pendidikan (Pentadbiran Pendidikan)
- Master Pendidikan Bahasa Melayu
- Master Bahasa Melayu
- Master Komunikasi Korporat

#### Program Ijazah

- Bachelor Sains Pembangunan Manusia
- Bachelor Sains (Pembangunan Sumber Manusia)
- Bachelor Pendidikan (Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua)
- Bachelor Saster (Bahasa dan Linguistik Melayu)
- Bachelor Sastera (Bahasa Inggeris)
- Bachelor Sains Pertanian
- Bachelor Komunikasi

#### Program Diploma

- Diploma Pembangunan Manusia

### SYARAT KEMASUKAN

#### Program MASTER

- Memiliki Ijazah Bacelor dengan minima PNGK 2.75
- Memiliki Ijazah Bacelor dengan minima PNGK 2.50 +1 Tahun Pengalaman bekerja untuk Master Komunikasi Korporat

#### Program BACELOR

- Lulus STPM/Diploma/Matrikulasi dengan minima PNGK 2.00 + MUET minima band 2

#### Program DIPLOMA

- Lulus SPM dengan 5 kredit termasuk Bahasa Melayu

### KENAPA PILIH PJJ UPM

- 1 UPM merupakan salah sebuah Universiti Awam yang terkemuka
- 2 Kuliah hujung minggu sahaja
- 3 Pensyarah-pensyarah yang berkualiti dan berpengalaman luas



### PUSAT PEMBELAJARAN PROGRAM PJJ (MELAKA)

KOLEJ ANTARABANGSA DUNIA MELAYU DUNIA ISLAM  
Aras 7, Pusat Transformasi Bandar (UTC), Jalan Hang Tuah, 75300, Melaka, Malaysia  
Tel : 012-3099432 Email : mariana130887@gmail.com

[www.upmet.upm.edu.my](http://www.upmet.upm.edu.my)



# SMART A+

SOALAN LATIHAN &  
TEKNIK MENJAWAB SPM  
SUBJEK : BAHASA MELAYU

"JOM SERTAI KELAS TUISYEN 2021  
BERSAMA KIBGIM" / "Hubungi Kami :  
011-15116270 / 019-2886270".

## SUDUT REVISI BAB TINGKATAN 4 – MATEMATIK


### CONTOH FORMAT SPM 2021 (1449/1)- MATEMATIK (KERTAS 1)

1. Rajah 1 menunjukkan sebuah segi empat sama dengan sisi  $y$  cm. Rajah 2 menunjukkan sebuah trapezium dengan tapak  $(y+5)$  cm dan garis selari,  $y$  cm dan  $(y+2)$  cm, masing masing.


Diberi luas trapezium melebihi luas segi empat sebanyak  $35\text{ cm}^2$ . Hitung beza perimeter bagi kedua-dua rajah itu.

*Diagram 1 shows a square with sides of  $y$  cm.*

*Diagram 2 shows a trapezium with base of  $(y+5)$  cm and parallel lines of  $y$  cm and  $(y+2)$  cm, respectively.*



Rajah 1  
Diagram 1




Rajah 2  
Diagram 2

- A. 14  
B. 20  
C. 34  
D. 24

2. Yang manakah antara berikut memenuhi ketaksamaan linear di dalam Rajah 3?

*Which of the following satisfy the linear inequality in Diagram 3?*




Rajah 3 / Diagram 3

- A.  $y \geq -2y + 4$   
B.  $y \geq -2y + 2$   
C.  $y \leq -2y + 4$

3. Diberi titik  $B(x, 5)$  adalah titik tengah di antara titik  $A(10, -3)$  dan titik  $C(-6, y)$ . Cari nilai  $x$  dan  $y$ .

*Given point  $B(x, 5)$  is a midpoint of points  $A(10, -3)$  and  $C(-6, y)$ . Find the values of  $x$  and  $y$ .*

	$x$	$y$
A.	8	7
B.	13	2
C.	2	13
D.	7	8



Rajah 4 / Diagram 4

4. Rajah 4 menunjukkan graf laju-masa bagi pergerakan dua kereta, A dan B, dalam tempoh 22 min dan 24 min masing-masing. Graf RSTU mewakili pergerakan kereta A dan graf MN mewakili pergerakan kereta B.

Diberi jarak yang dilalui oleh kereta B adalah sama dengan jarak yang dilalui oleh kereta A. Hitung nilai  $v$ .

*Diagram 1 shows the speed-time graph of motion by cars A and B, for a period of 22 mins and 24 mins, respectively.*

*Graph of RSTU represents the motion of car A and graph of MN represents the motion of car B.*

*Given that the distance travelled by car B and car A are the same. Calculate the value of  $v$ .*

- A. 181 km/min  
B. 12 km/min  
C. 54 km/min

## ANSWERS/JAWAPAN

1.

$$\begin{aligned}\text{Luas trapezium} &= \frac{1}{2} \times \text{dua garis selari} \times \text{tapak} \\ &= \frac{1}{2} \times (y+y+2) \times (y+5) \\ &= \frac{1}{2} \times (2y+2) \times (y+5) \quad [\text{faktor}] \\ &= \frac{1}{2} \times 2(y+1)(y+5) \\ &= (y+1)(y+5) \\ &= y^2 + 6y + 5\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Luas segi empat sama} &= \text{panjang} \times \text{lebar} \\ &= y \times y \\ &= y^2\end{aligned}$$

Luas trapezium melebihi luas segiempat sama sebanyak  $35\text{ cm}^2$

$$\begin{aligned}\text{Luas trapezium} &= \text{Luas segi empat sama} + 35 \\ y^2 + 6y + 5 &= y^2 + 35 \\ 6y + 5 &= 35 \\ 6y &= 30 \\ y &= 5\end{aligned}$$

Perimeter trapezium

$$\begin{aligned}&= y + y + 7 + y + 2 + y + 5 \\ &= 4y + 14\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}&= 4(5) + 14 \\ &= 34\end{aligned}$$

Perimeter segi empat sama

$$\begin{aligned}&= 4y \\ &= 4(5) \\ &= 20\end{aligned}$$

$$\therefore \text{Beza perimeter} = 34 - 20 = 14 \quad (\text{A})$$

2. Langkah 1: Tentukan koordinat 2 titik di atas garis lurus.

Pintasan-y: (0,2)  
Pintasan-x: (1,0)

Langkah 2: Guna rumus (5) untuk mendapatkan kecerunan,  $m$ .

$$\begin{aligned}m &= \frac{\text{pintasan} - y}{\text{pintasan} - x} \\ &= \frac{2 - 0}{0 - 1} \\ &= -2\end{aligned}$$

Langkah 3: Masukkan nilai  $m = -2$  dan  $c = 2$  di dalam rumus garis lurus,  $y = mx + c$ . Perlu diingati bahawa  $c$  adalah pintasan-y.  
 $y = mx + c$   
 $y = -2x + 2$


Langkah 4: Tentukan simbol ketaksamaan dari kawasan berlorek.



Kerana kawasan berlorek di bawah, maka simbolnya adalah  $\leq$

$$\therefore y \leq -2x + 2 \quad (\text{D})$$

3. Koordinat  $A(10, -3), B(x, 5), C(-6, y)$




Dengan menggunakan rumus (2)

$$\begin{aligned}x &= \frac{x_1 + x_2}{2} & y &= \frac{y_1 + y_2}{2} \\ &= \frac{10 + (-6)}{2} & &= \frac{-3 + y}{2} \\ &= \frac{4}{2} & &= 10 = -3 + y \\ &= 2 & & y = 13\end{aligned}$$

$$\therefore x = 2, y = 13 \quad (\text{C})$$

4. Jarak kereta A = Luas trapezium A + Luas trapezium B



$$\begin{aligned}\text{Luas trapezium } A &= \frac{1}{2} \times (v+21) \times 10 \\ &= 5(v+21)\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Luas trapezium } B &= \frac{1}{2} \times (8+14) \times 21 \\ &= \frac{1}{2} \times (22) \times 21 \\ &= 231\end{aligned}$$

$$\text{Jarak kereta A} = 5(v+21) + 231$$

$$\text{Jarak kereta B} = \text{luas segitiga}$$

$$= \frac{1}{2} \times 36 \times 22 = 396$$

Kerana diberi jarak kereta A dan kereta B adalah sama, maka

$$\text{Jarak kereta A} = \text{Jarak kereta B}$$

$$5(v+21) + 231 = 396$$

$$5(v+21) = 165$$

$$v+21 = 33$$

$$v = 12 \quad (\text{B})$$

## Answers

- 1) A 2) D 3) C 4) B



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

A re-reading of Rum/Rom as narrated by such texts as the *Hikayat Merong Mahawangsa* (HMM) is inevitable. This is to demythologise the expanse of the Malay world view and imagination. The Raja Rum, whether understood to be a Greek, Persian, or Turkish, is a popular figure in traditional Malay literature. An array of the kings of Rum/Rom occurs in many Malay literary genres. From the known (or unknown) writers, we know much of Malay society, encounters with and influences from the outside world, as the Malay would say *dari dunia luar*.


Still, little is known about the *Hikayat*. Scholar of Malay, Hendrik J.M. Maier (1988), in his study of the *Hikayat* discussed how its compilation, value, stories, and prestige have been unjustly questioned, ignored or ridiculed by most 19<sup>th</sup> and 20<sup>th</sup> century students and scholars, many of whom were produced by the modern educational systems.

Maier attributed this attitude to the popularity of the English translation of the *Sejarah Melayu*. Thus the *Hikayat* had the disadvantage of being "read against the background of the *Sejarah Melayu*, and ever since, this primacy of the Malay Annals has never been subverted."

Despite this disadvantage, Maier significantly argued that the *Hikayat* could be seen as a fine manifestation of 19<sup>th</sup> century culture, dominated by oral-aurality. It drew upon fragments of a shared knowledge into a narrative. The *Hikayat* could also be used as a fine illustration of the discontinuities that emerged in the field of Malay knowledge coincident with the introduction of Western-oriented education and printing techniques. This eventually resulted with a break with the past.

The uneasiness among recent and earlier Malay scholars and intellectuals about the validity of the *Hikayat* heritage has been quite evident. This was noted by history and Asian Studies scholar Maziar Mozaferi Falarti (2014). He lamented that as a historic source, the *Hikayat* has been unjustly questioned as to its reliability. Much of what is have been conceived as fiction, myth and fantasy. Nevertheless, Falarti, as seen through his book *Malay Kingship in Kedah: Religion, Trade and Society*, is one of the earliest modern scholars to have used a Malay classical work, in this case the *Hikayat Merong Mahawangsa*, as a textual foundation

# *Hikayat Merong Mahawangsa: The Genesis of Kedah's Global Consciousness*

CONTENT of *Hikayat Merong Mahawangsa* in Jawi script.

**// Stories in classical Malay texts, such as in the *Hikayat* can shed light to the extent of indigenous or foreign influence that have impacted Malay society and systems of government in the pre and post-Islamic periods. //**

for the spiritual legitimacy of a Malay kingdom, and subsequently its history and society. Many have ignored these key aspects of the *Hikayat* as a source in understanding the domain and the Sultanate of Kedah.

Stories in classical Malay texts, such as in the *Hikayat* can shed light to the extent of indigenous or foreign influence that have impacted Malay society and systems of government in the pre and post-Islamic periods. According to Falarti, the *Hikayat* closely

follow and resemble those of Persian (particularly *Shahnameh* or Book of Kings and the Safavid era's (1501/02-1722) *Hekayateh Simurgh* (or *Gheseyeh Soleyman va Simurgh*), and South Asian (Ramayana and Jataka) stories. These inclusions were astounding and have never been properly examined. There are also references to other Southeast Asian sources or traditions. Examples are the Naga worship and *wayang kulit*. Falarti argued that the *Hikayat*

indicated an attempt by its authors to construct a text and a theme that would appeal to a wider audience without compromising Kedah's unique foundation narrative and royal genealogy. The mode of conversion of the Kedah ruler and peoples to Islam as suggested by the *Hikayat*, is a powerful testament to the way the monarchy and political infrastructure viewed the historic event from within, or alternatively wished to be viewed by the indigenous population and for-

eign visitors.

In the beginning of the *Hikayat*, the authors clearly stated that it is the continuation of the Rama story (referring to Ramayana but without mentioning it by name): "After the war of Sri Rama and Raja Hanuman, the island of Langka was deserted except by the bird Geruda". Falarti believed this referred to the island of Langkawi - the Ramayana island of Lanka, Langka or Langkapuri. As such, the *Hikayat* must be considered as a relevant and serious source for the study of Malay and Southeast Asian history, and be viewed as a repository for a combination of sources.

It can be further argued that the key aspects of the *Hikayat* comprising foreign elements, pre-Islamic, as well as popular characters and indigenous stories from the *wayang kulit* or oral traditions, only indicate the popularity of such stories and traditions amongst the general population and at the court. It may also point to its numerous authors and compilers. We see these plausible in the presence of Persian, Indian, Chinese and Thai elements in the text.

The inclusions may not only refer to the knowledge of such stories and traditions by the Malay or foreign author/s or copyist/s at Kedah but also their elegant integration into the indigenous context and world view. Falarti in particular cited the integration of stories traditionally associated with Iran. Such from the *Shahnameh* and *Hekayateh Simurgh* are unprecedented in the Malay world. The *Hikayat*'s "inclusion of the story of Garuda, Prophet Solomon and the marriage of a prince and princess, from the east and the west, in fact run parallel to the little known Persian story of *Hekayateh Simurgh*. Simurgh is the Persian equivalent of Garuda and a mystical bird."

The *Hikayat Merong Mahawangsa* is not history. It provides us with another source in answering complex questions about ourselves and our society; and significantly manifests shared pasts and memories. The *Hikayat* connects and transcends civilizations. Demystifying Rum/Rom (Rome) in Malay consciousness is a good reason for its reintroduction beyond the 2011 film.

## NEXT WEEK:

**P.Ramlee**

\*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

# Banjir sudah surut tetapi kebun sayur rosak teruk

Din Ahmad

**PANTAI KUNDOR** - Banjir di kawasan ini sudah surut sepenuhnya tetapi kerosakan yang disebabkan oleh air yang naik hingga 1.2 meter menyebabkan kerugian besar kepada pekebun sayur.

Kejadian banjir baru-baru ini menyebabkan Mohamad Abdul Rahman, 59, dan rakan kongsi, Mohd Anuar Sulaiman, 40, kerugian kira-kira RM30,000 akibat kehilangan pelbagai hasil tanaman di kawasan seluas 1.6 hektar di Kampung Paya Rumput, Tanjung Kling di sini.

Mohamad yang lebih dikenali dengan panggilan Mahadi dalam kalangan anggota komuniti berkata, sayur seperti bayam, kangkung, sawi, bendi, kacang panjang dan peria katak yang diusahakannya sejak lima tahun lalu musnah sama sekali.

"Kali terakhir banjir adalah tujuh tahun lalu dan banjir kali ini menakutkan saya kerana laluan masuk ke kebun tidak boleh dilalui akibat dinaiki air setinggi empat kaki (kira-kira 1.2 meter).

Hasil tanaman mendapat pasaran yang baik daripada pemborong dan peniaga di beberapa pasar tetapi kali ini kami terpaksa akur menerima kerugian yang besar jumlahnya //

"Saya tidak dapat masuk ke kandang lembu dan menyebabkan 35 lembu saya tidak dapat makan dua hari manakala sebahagian besar hasil tanaman gagal diselamatkan," katanya ketika ditemui di kebunnya baru-baru ini.

Mohamad dan Mohd Anuar menerima kunjungan Pegawai Jabatan Pertanian Kawasan Bukit Rambai, Mohd Awis Zaharullah yang melakukan bancian kerosakan tanaman pekebun.

Mohd Anuar berkata, banjir turut menyebabkan jentera pam air

yang digunakan di kandang lembu dan kebun sayur rosak serta memerlukan kos yang tinggi untuk menjalani pembaikan.

"Kebanyakan sayur itu sudah boleh dituai untuk dipasarkan tetapi takdir Allah tiada siapa pun mampu menghalangnya dan kami tidak sempat untuk menikmati hasil tuaian kali ini," katanya.

Beliau berkata, hujan lebat di kawasan berkenaan lazimnya pada bulan September hingga Disember tetapi kali ini ia berlaku pada Mei.

Sehubungan itu, beliau terpaksa mengeluarkan kos yang lebih untuk menanam semula pelbagai jenis sayur, selain menjalankan kerja pembaikan mesin.

"Hasil tanaman mendapat pasaran yang baik daripada pemborong dan peniaga di beberapa pasar tetapi kali ini kami terpaksa akur menerima kerugian yang besar jumlahnya," katanya.

Sementara itu Mohd Awis berkata, jabatan berkenaan mengumpul data kerosakan tanaman dan kerugian dialami pekebun untuk membantu mereka meneruskan industri penanaman sayur.



MOHAMAD (kiri) menjelaskan mengenai kerosakan kebun sayurnya akibat banjir kepada Mohd Awis di Kampung Paya Rumput, Tanjung Kling, baru-baru ini.

**CIRI-CIRI MENARIK**

- ✓ PEGANGAN BEBAS (FREEHOLD)
- ✓ Sedia diduduki dengan CCC
- ✓ Hanya 10 minit ke pusat bandar dan Melaka Raya

# TAMAN PASIR EMAS

HARGA DARIPADA

**RM 7xx,xxx.xx**

RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT  
(SEMI-D) 40' X 85'  
5 Bilik + 2 Utiliti + 5 Bilik Air

Untuk keterangan lanjut sila hubungi :  
Yakin Kenari Sdn. Bhd.  
014-3314363 (Puan Sue)  
018-7725854 (Ms Cindy)  
06-3354363 (Pejabat)



DR. SHANKAR GUNARASA



**BEBERAPA** bulan lalu, saya ada menulis artikel di ruang ini berkaitan masalah buasir dan cara rawatannya. Saya juga ada menyentuh rawatan khusus seperti laser buasir atau lebih di kenali laser hemmoroidoplasty.

Oleh kerana pembedahan laser ini semakin popular , ingin saya huraikan lebih lanjut di artikel minggu ini berkaitan pembedahan popular ini. Seringkali juga pesakit berjumpa saya berkaitan rawatan laser buasir ini.

Seperti yang anda sedia maklum , buasir ini memang masalah yang menular di masyarakat kita , di sebabkan gaya hidup yang tidak memakan makanan yang berserat dan pemakanan yang kurang seimbang. Buasir adalah penyakit yang dikaitkan dengan keradangan, trombosis, pembesaran yang tidak normal yang menyumbang kepada unjuran di sekitar dubur. Popularity rawatan ini adalah di sebabkan kesan kurang sakit dan trauma kepada pesakit. Inilah keunikan pembedahan ini.

Apakah intipati rawatan laser buasir? Rawatan laser buasir, atau pengewapan, berdasarkan tindakan suhu tinggi, dengan sistem laser diode bergelombang 1470nm dan kuasa 7-8 watts yang diarah tujuhkan ke tisu buasir dan unjuran buasir. Haba untuk pengewapan tisu buasir ini adalah dari hujung diode yang di pasangkan kepada mesin laser.

Tetapi adakah pembedahan laser in sesuai untuk semua jenis buasir?

Jika di lihat, buasir di gredkan dari Gred 1-4. Gred 3 & 4 adalah unjuran buasir yang terkeluar atau pun "prolapsing hemorrhoids". Kebiasannya buasir Gred 2 atau Gred 3 (kecil) memang sesuai untuk rawatan laser ini , di mana buasir ini dapat di kecutkan dengan

# Pembedahan laser buasir semakin popular



PEMBEDAHAAN laser buasir.

kesan haba laser. Seingkali juga laser ini terpaksa di lakukan untuk beberapa sessi untuk mengelucutkan buasir tersebut. Boleh mengatakan bahawa laser dalam rawatan buasir digunakan sebagai pisau bedah yang tepat yang untuk membolehkan pendarahan buasir itu di berhentikan.

**Walaupun dengan kecanggihan rawatan buasir ini, pesakit perlu faham bahawa rawatan laser bukan sesuai untuk sesetengah buasir iaitu :**

- Buasir thrombosis atau thrombosed hemorrhoids di mana buasir , biasanya buasir luaran, akan mengalami pembekuan darah. Buasir sebegini rupa berseuaian untuk "open

hemorrhoidectomy" sahaja.

- Buasir Gred 3 atau 4 yang besar.
- Buasir luaran atau external hemorrhoids.


**Penyediaan pesakit untuk rawatan laser buasir ini sama juga seperti pembedahan untuk masalah dubur yang lain seperti :**

- Anoskopi yang dilakukan di klinik, untuk melihat buasir dan saiznya.
- Ujian endoskopi sigmoidoskopi atau kolonoskopi untuk memastikan tiada barah tangkal rektum yang boleh menyumbang kepada masalah buasir.
- Ujian darah umum.
- Ujian darah untuk kencing manis untuk memastikan luka dari pembedahan laser ini dapat sembuh dengan sempurna.


**Apakah yang boleh berlaku selepas pembedahan laser buasir ini? Perkara yang perlu di beri perhatian ialah :**

- Memastikan tiada bersembelit yang boleh menyebabkan pendarahan selepas pembedahan
- Pendarahan yang sedikit selepas laser ini adalah BIASA dari kesan luka laser tersebut.
- Rasa senggal di dubur di sebabkan kesan haba di laser memang biasa di rasai dan tidak perlu khawatir.
- Memakan makanan yang berserat dan banyakkan minum air untuk mengelakkan sembelit.
- Perlu memakan ubatan buasir jenis flavonoids untuk mengurangkan pendarahan sampingan dari kesan laser ini.

Rawatan laser buasir memang memberi kesan kesakitan yang amat sedikit , tetapi bukan semua jenis buasir sesuai untuk rawatan laser. Oleh itu jika anda ingin mengetahui lebih lanjut tentang rawatan laser buasir, anda boleh anda boleh berhubung dengan saya, **Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.**



GRED unjuran buasir.



BUASIR luaran.

# Keunikan Muzium Kapal Selam

**TAHUKAH** anda, Muzium Kapal Selam yang terletak di Kompleks Muzium Maritim, Pantai Berlian, Klebang merupakan merupakan yang kedua seumpamanya di Asia Tenggara selepas Monumen Kapal Selam Surabaya di Indonesia?

Ini sekali gus menjadikan muzium tersebut antara destinasi pelancongan yang unik di Malaysia, dan sudah tentu sentiasa menarik perhatian pelancong dari dalam serta luar negara.

Jika mengikut sejarah, kapal selam tersebut dikenali sebagai FS Ouessant Agosta 70, yang merupakan kapal selam latihan krew-krew Kelas Perdana Menteri Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan ia juga adalah bekas kapal selam milik Tentera Laut Perancis.

kerja-kerja untuk membawa pulang kapal selam FS Ouessant Agosta 70 ini dari pengkalannya di Brest, Perancis telah dimulakan pada 9 Oktober 2011 dan tiba di perairan Melaka pada 12 November 2011.

Kita sebagai rakyat Malaysia seharusnya berbangga dengan kewujudan muzium berkenaan kerana bukan semua negara mempunyai muzium seumpama itu.

Malah boleh disifatkan sebagai satu kerugian jika tidak melawat muzium berkenaan sekiranya berkunjung ke Melaka.



**MUZIUM** kapal selam yang terletak di Kompleks Muzium Maritim, Pantai Berlian, Klebang merupakan antara salah satu muzium yang unik di negara ini.

## Taman Seri Mangga Sek - 1



**RUMAH TERES SETINGKAT**  
22' x 70'  
(4 bilik tidur, 2 bilik air)

**HARGA JUALAN**  
Min RM336,400.00  
(bermula dari)



GROUND FLOOR PLAN CORNER LOT



Tiong Yuen Development Sdn Bhd  
No. 37-Grd Flr, Jalan Kesisiangan 3/11,  
Melaka Mall, Off Jalan Tun Perak,  
75300 Melaka.



06-3371389 (Pejabat)  
011-35042516 (TINI)  
012-2196788 (Peggy Lim)

中原發展有限公司

**TIONG YUEN DEVELOPMENT SDN. BHD.**  
(Co. No: 148022-W)  
No. 37, Jalan Kesisiangan 3/11, Melaka Mall, Off Jalan Tun Perak, 75300 Melaka  
Tel: 06-337 1389 Fax: 06-337 3855  
Email Address: tydevelopment@yahoo.com



JEMAAH yang hadir melakukan imbasan suhu badan sebelum serta solat sunat Aidilfitri di Surau Ubudiah, pada 13 Mei lepas.

## Solat Aidilfitri pertama selepas 50 tahun

**Meor Riduwan Meor Ahmad**

**BUKIT KATIL** — Surau Ubudiah di Kampung Baru, dekat sini, melakar sejarah tersendiri apabila julung kalinya sejak 50 tahun lalu mengadakan solat Sunat Hari Raya Aidilfitri pada 13 Mei lepas.

Solat sunat diimamkan Imam II Muhammad Raflee Uda, 63, itu berlangsung tepat jam 8.30 pagi dalam suasana harmoni dan lancar di surau yang dibangunkan pada 1971 itu.

Pengerusi Surau Ubudiah, Nor Jamal Nekmat, 67, berkata, pihaknya amat bersyukur dengan kebenaran diberikan pihak berkusa agama negeri sekali gus membolehkan pihaknya melaksanakan solat sunat berjemaah.

Katanya, secara tidak langsung langkah itu dapat membantu mengurangkan beban masjid dan surau kariah untuk menampung jumlah jemaah, berikutan perintah kawalan pergerakan (PKP) 3.0 mengehadkan kehadiran bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

"Memang kami di pihak jawatankuasa surau amat teruja dan berbesar hati apabila permohonan kami diluluskan oleh Pejabat Mufti dan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) bagi mengadakan solat sunat Aidilfitri buat pertama kali sejak surau ini diasaskan pada 1971 oleh Allahyarham bapa saya, Sidang Mohamad Lamit."

"Alhamdulillah solat sunat berjalan lancar dengan kehadiran kira-kira 40 jemaah termasuk wanita dan kanak-kanak yang mana kita mengetatkan SOP termasuk menyediakan alat pengimbas suhu badan, cecair pembasmi kuman, buku catatan dan pengimbas kod QR MySejahtera," katanya ketika ditemui di sini.

Nor Jamal berkata, program solat sunat Aidilfitri itu antara acara utama dirancang pihaknya.

Katanya, surau itu turut melaksanakan program 'bank makanan' sempena Ramadan ini dengan menginfakkan barang makanan untuk keperluan golongan memerlukan.

"Sumbangan barang keperluan antaranya minyak masak, susu, tepung, sardin, gula dan beras ini tidak terhad bagi kariah di kampung ini, malah kita juga memberi kepada keluarga atau individu miskin yang memerlukan," katanya.

Mengulas lanjut beliau berkata, Surau Ubudiah antara surau aktif mengadakan solat fardu berjemaah setiap waktu selain kelas pengajian agama pada Selasa malam Rabu dan kelas mengaji pada Khamis dan Jumaat setiap minggu.

"Alhamdulillah, dalam menampung kos operasi surau termasuk pembayaran bil utiliti, kita mempunyai dana hasil sewaan dua rumah selain sumbangan orang ramai."

"Surau ini juga mempunyai tempat sembelihan khas dilengkapi takungan khas untuk menyimpan sisa darah," katanya.

Katanya, dua unit rumah sewa berdekatan surau itu sebelum ini dirasmikan Ketua Menteri Melaka Kesembilan yang kini Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam.

Nor Jamal berkata, ketika dibina pada 1971 di atas tanah diwakafkan oleh Maarof Kadir hanya ada 15 unit rumah asal di kampung itu dan kini meningkat kepada 65 buah.

"Pada awalnya surau ini dibina berdasarkan kayu dengan imam pertama Abu Latiff sebelum dinaik taraf pada bangunan batu pada 1995," katanya.

# UMNO, UAT kerjasama lakukan sanitasi percuma

**Meor Riduwan Meor Ahmad**

**AYER KEROH** — Badan Perhubungan UMNO Negeri Melaka bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Unit Amal Trader (UAT) untuk melakukan kerja-kerja sanitasi udara dan pekarangan awam secara percuma dalam usaha membendung penularan COVID-19.

Menerusi hantaran di Facebook UMNO Melaka, buat permulaan, kerja-kerja sanitasi udara akan dilakukan di pejabat Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasian Dewan Undangan Negeri (JAPE-

RUN) di negeri ini.

"Antara JAPERUN yang dikenalpasti untuk program perintis ini adalah Japerun Ayer Limau dan JAPERUN Taboh Naning," menuikut kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, individu atau atau pihak premis yang berminat untuk melakukan sanitasi udara di tempat masing-masing boleh menghubungi Muhammad Siretal Mustaqim Hamzah di talian 011-1121441 atau Datuk Mohd Yusof (013-6316361) atau Pejabat Perhubungan UMNO Negeri Melaka di talian 06-2337075.

"Setiap permohonan mestilah melalui pengesahan Pengerusi Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) dan JAPERUN Barisan Nasional/UMNO," katanya.

UAT diasaskan Muhammad Siretal Mustaqim, 36, pada 2015 tetapi mula aktif sejak Mac tahun lalu.

Tiga lagi anggota kumpulan itu ialah Hamzah Abdul Ghani, 53; Shukri Ismail, 36, dan Amzar Muhamimin Abdul Latif, 21, yang tidak mempunyai pekerjaan tetap tetapi mampu mengorbankan wang ringgit dan masa demi 'saham akhirat'.



KERJA-kerja sanitasi udara di Taman Pengkalan Lubok Cina.

## Rumah Media, pejabat MHI jadi 'pulau'

**AYER KEROH** — Hujan lebat pada awal pagi 17 Mei lepas menyebabkan kebanyakan kawasan rendah di negeri ini ditenggelami air sehingga menjelaskan rutin harian penduduk.

Antara kawasan teruk terjejas adalah Rumah Media di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) yang turut menjadi pejabat operasi Melaka Hari Ini (MHI) sehingga ia menjadi seperti 'pulau' apabila jalan masuk utama ditenggelami air sehingga paras satu meter.

Tinjauan mendapati, ia berpuncak daripada limpaan air banjir dari kawasan tinggi daripada Bulatan MITC di berdekatan Bangunan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ke jalan utama Rumah Media Melaka.

Keadaan mengakibatkan kawasan berkenaan tidak dapat diakses malah beberapa kenderaan yang cuba meredah banjir juga terpaksa berpatah balik.

Kawasan selain MITC, kawasan lain teruk turut terjejas adalah Taman Rambai Utama apabila dinaiki air ke paras hampir dua meter sehingga hampir menenggelamkan pagar rumah penduduk.

Turut terjejas adalah Tehel, Jasin, Bertam, Sungai Udang, Bukit Katil, Paya Rumput, Sungai Putat, Cheng dan Bukit Beruang.



KELIHATAN Rumah Media Melaka yang menempatkan pejabat operasi MHI ditenggelami air pada 17 Mei lepas.

# Pesawah rugi RM150,000 akibat banjir

Din Ahmad

**PANTAI KUNDOR** – Seramai 20 pesawah di Kampung Paya Luboh dan Seberang Gajah kerugian RM150,000 apabila sawah mereka seluas kira-kira 60 hektar yang baharu disemai dengan anak benih padi musnah dalam kejadian banjir pada 16 Mei lepas.

Pesawah mendakwa, bencana alam itu adalah yang terburuk sejak lebih tujuh tahun lalu dan menyebabkan mereka terpaksa mengeluarkan kos lebih tinggi untuk memulakan semula proses penanaman padi.

Suhaimi Mustafa, 62, berkata beliau kerugian kira-kira RM30,000 selepas benih padi yang ditanam tiga minggu lalu dihanyutkan air manakala benih yang sudah ber cambah, mati akibat terendam.

"Kos untuk mesin (membajak) tanah kering, tanah basah, membaja, menyemai dan meracun bagi setiap 0.4 hektar sawah adalah RM1,000 dan ia bermakna saya kerugian RM30,000 bagi keseluruhan 12 hektar sawah."

"Hujan lebat sejak jam 5 pagi



HANAFI

Ahad lalu (16 Mei) menyebabkan air mula naik ke sawah kerana sistem pengairan dan saliran yang sempurna membantu kejayaan penanaman padi dua kali setahun di kawasan terbabit.

dak lumpur.

Hanafi Zainal, 49, berkata dia kerugian RM3,000 selepas sawahnya seluas 1.2 hektar ditenggelami banjir.

"Saya dan pesawah lain tidak mampu berbuat apa-apa selain terpaksa membiarkan sahaja benih yang ditabur tiga minggu lalu rosak teruk dan tidak mampu digunakan lagi," katanya di Kampung Seberang Gajah.

Walaupun terpaksa menerima hakikat hujan lebat sebagai faktor utama banjir, pesawah tetap meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) meneliti semula sistem berkenaan di sawah mereka.

Baharudin Samad, 72, berkata sistem pengairan dan saliran yang sempurna membantu kejayaan penanaman padi dua kali setahun di kawasan terbabit.

Sementara itu, **Pengarah JPS negeri, Abdul Hakim Hamzah** berkata, penelitian pegawai JPS di kawasan berkenaan mendapat hujan lebat menyebabkan sawah dipenuhi air manakala paras sungai berhampiran sawah meningkat.



**SUHAIMI** kerugian kira-kira RM30,000 selepas sawahnya seluas 12 hektar dilanda banjir di Kampung Paya Luboh, Tanjung Kling, baru-baru ini.

"Ia menyebabkan air dari sawah tidak mampu mengalir ke sungai dan bertakung dalam sawah yang mengakibatkan benih padi rosak."

"JPS akan meneliti sistem pengairan dan saliran sawah di kawasan berkenaan bagi meningkatkan kemampuannya dalam membantu industri padi," katanya.

## Tiada istilah perabot baharu

**DURIAN TUNGGAL** – Tiada istilah perabot baharu bagi mangsa banjir di Kampung Bukit Balai, Durian Tunggal di sini kerana rumah mereka sering dinaiki air sejak 10 tahun lalu.

Berikut itu, mereka tidak mengganti perabot ba-

haru sejak 10 tahun lalu kerana ia merugikan akibat dirosakkan oleh air bah.

Ahmad Faizal Muhammad Sah, 42, berkata setiap kali hujan lebat di sebelah hulu, sungai di belakang kediamannya sering melimpah.

"Tiada gunanya mem-

beli perabot baharu kerana rumah saya dan jiran tentang berhampiran sungai akan dinaiki air jika hujan lebat di hulu."

"Kami terpaksa menggunakan perabot lama yang sudah berkali-kali ditenggelami banjir," katanya ketika

ditemui di kediamannya di kampung itu baru-baru ini.

Beliau adalah seorang daripada puluhan penduduk kampung itu yang terjejas akibat banjir pada 17 Mei lepas berikutan hujan lebat sejak awal pagi.

Katanya, air yang naik

dengan cepat hingga mencapai paras kira-kira 0.6 meter menyebabkan dia dan isteri, Aziah Samsuddin, 39, serta lima anak berusia antara lima hingga 16 tahun terpaksa berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) di Dewan Kompleks Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasaran Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Durian Tunggal.

Ahmad Faizal yang mengambil upah mengecat bangunan berkata, tindakan pantasnya membawa keluar anggota keluarga membolehkannya turut menyelamatkan motosikalnya daripada tenggelam.

Ibu mentuanya, Rokiah Mohamad, 64, berkata dia dan suami, Samsuddin Ismail, 67, tidak berpindah ke PPS kerana air hanya mencecah hingga paras lutut di kediamannya.

"Rumah saya di kawasan tinggi sedikit daripada rumah Aziah dan Ahmad Faizal, jadi saya tidak berhasrat pindah ke PPS kerana saya yakin air tidak akan naik lagi."

"Alhamdulillah, pagi ini air (18 Mei) semakin surut dan sekali lagi saya dan suami terpaksa bertungkus


**“ Kami terpaksa menggunakan perabot lama yang sudah berkali-kali ditenggelami banjir ”**

Iamus membersihkan rumah daripada kotoran lumpur," katanya.

Samsuddin berkata, sungai di belakang kediamannya tidak mampu lagi menampung peningkatan air ketika hujan lebat berbanding 20 tahun lalu.

"Lebih 10 tahun lalu, sungai itu dalam dan air boleh mengalir dengan laju walaupun hujan di sebelah hulu tetapi sekarang, keadaan sudah jauh berubah kerana ia semakin cetek," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membantu memperbaiki sungai berkenaan bagi membantu mengatasi masalah banjir yang amat membebankan kehidupan penduduk.



**AHMAD FAIZAL** menyusun semula perabot selepas mencuci rumahnya akibat banjir di Kampung Bukit Balai, Durian Tunggal.

# Justin pangku tugas CEO Melaka United FC

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**PEMILIK** Kelab Bolasepak Melaka United (MUFC), Datuk Seri Justin Lim bakal mengambil alih tugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif kelab berkenaan berkuatkuasa serta merta susulan perletakan jawatan penyandang terdahulu, Datuk Mohd Saiful Mat Sapri.

Justin ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI) memaklumkan, beliau akan memangku tugas berkenaan sehingga tamat musim ini.

Katanya, keputusan itu dibuat selepas mengadakan perbincangan bersama Presiden Persatuan Bolasepak Melaka United (MUSA) Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali di Seri Negeri, baru-baru ini.

"Saiful memaklumkan dia mahu meletak jawatan bagi memberi tumpuan kepada perniagaan dalam pertemuan dengannya.

"Walaupun berat, kami terpaksa menerima pel-

etakan tersebut dan saya akan mengambil alih tugas tersebut sehingga akhir musim," katanya.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan pihaknya juga bersetuju untuk mengekalkan Zainal Abidin Hassan sebagai Ketua Jurulatih MUFC sehingga tamat musim ini.

Selain itu, ujarnya, MUFC juga bakal menerima kehadiran pemain dari Kelab Bolasepak Johor Darul Ta'zim (JDT), Gary Steven Robbat yang semakin hampir menyertai Skuad Hang Tuah secara pinjaman.

"Dua pemain import baharu kita dari Brazil juga kini sudah sampai dan sedang dikuarantin sebelum menyertai latihan sedikit masa lagi.

"Kita berharap kehadiran pemain-pemain baharu ini dapat membantu MUFC memperoleh keputusan yang lebih baik dalam baki perlawanan Liga Super musim ini," katanya lagi.



JUSTIN

## Bergson kekal bersama JDT

**JUARA** bertahan Liga Super Johor Darul Ta'zim (JDT) baru-baru ini mengesahkan pemain import dari Brazil Bergson da Silva kekal bersama kelab itu sekurang-kurangnya sehingga akhir musim ini, selepas menandatangani perjanjian secara tetap.

Pengarah Sukan JDT Martin Prest mengumumkan perkara berkenaan melalui laman Facebook rasmi pasukan, Johor Southern Tigers, namun tidak menyatakan secara terperinci kandungan perjanjian antara kedua-dua pihak itu.

Bergson, 30, sebelum ini dipinjamkan selama empat bulan daripada kelab Brazil, Fortaleza sudah meledakkan 11 gol dalam saingan liga elit domestik, dan tempoh pinjamannya bersama JDT akan berakhir hujung bulan depan.

Dengan pengumuman ini, bermakna Bergson selaku penyerang utama sepanjang musim, mempunyai tanggungjawab



BERGSON

mengemudi jentera serangan JDT menjelang kempen Liga Juara-Juara Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) 2021 bulan depan.

Terdahulu, Harimau Selatan

mengumumkan sudah mengikat pemain kelahiran Australia Shane Lowry secara perpindahan percuma daripada kelab Al Ahli yang bersaing dalam saingan Liga Qatar.

Menurut kenyataan itu, Lowry, 31, pernah beraksi bersama beberapa kelab Liga Inggeris iaitu Leeds United, Sheffield United, Millwall dan Leyton Orient selain pernah beraksi dengan kelab Perth Glory dalam saingan Liga Australia (Liga-A).

JDT mengungguli kedudukan Liga Super dengan mengumpul 30 mata selepas 13 perlawanan, menyasarkan kejuaraan kelapan berturut-turut musim ini.

Skuad Harimau Selatan kendalian ketua jurulatih Benjamin Mora, dijadual berdepan Nagoya Grampus dari Jepun, Pohang Steelers (Korea Selatan) dan Ratchaburi FC (Thailand) dalam saingan kumpulan G, Liga Juara-Juara AFC di Thailand pada 22 Jun hingga 7 Julai.- BERNAMA

## 'Saya nak berehat dahulu' - Saiful

**BUKAN** merajuk, apakah lagi berkecil hati dengan prestasi semasa pasukan menjadi punca peletakan jawatan Datuk Mohd Saiful Mat Sapri sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kelab Bolasepak Melaka United (MUFC).

Sebaliknya beliau menjelaskan, peletakan jawatan itu dilakukan setelah memikirkan sedalamnya demi memberi sepenuh perhatian kepada perniagaannya yang selama ini sedikit terabai.

Masa yang ada ini juga ujarnya, akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk beliau berehat seketika daripada arena bola sepak tanah air, melainkan jika khidmatnya diperlukan di suatu masa kelak.

"Tiada yang mengejutkan. Saya letak jawatan selepas mengadakan perbincangan bersama kepimpinan tertinggi. Bukan sebab merajuk juga bukan sebab kecewa dengan prestasi semasa pasukan yang tidak begitu memuaskan.

"Saya buat keputusan itu untuk memberi tumpuan kepada perniagaan dan buat masa sekarang, saya belum fikir untuk kembali duduk dalam industri bola sepak."

"Biarlah saya berehat dahulu buat seketika, melainkan jika Presiden MUSA (Persatuan Bolasepak Melaka United) memerlukan khidmat saya di masa akan datang, mungkin akan dipertimbangkan," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Dalam pada itu, beliau sempat menitipkan doa buat MUFC agar terus cemerlang dan kekal beraksi dalam saingan Liga Super di bawah pengurusan baharu.

Beliau turut menzhairkan keyakinan skuad Hang Tuah mempunyai potensi besar untuk terus berkembang di masa akan datang dan mengharumkan nama Negeri Melaka.

"Tidak lupa, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh penyokong MUFC yang sentiasa memberikan sokongan penuh di bawah kepimpinan saya sebelum ini."

"Saya berharap teruslah menyokong pasukan kesayangan kita."

"Walaupun tidak lagi bersama MUFC, saya akan sentiasa mendoaakan pasukan agar terus cemerlang dan mendapatkan keputusan yang terbaik di masa-masa akan datang," katanya lagi.

Untuk rekod, MUFC kini dipimpin Ketua Pegawai Eksekutif Kenteam Sdn Bhd, Datuk Seri Justin Lim yang akan memangku tugas selaku CEO MUFC sehingga tamat musim Liga Malaysia 2021.



SAIFUL

## MSN arah 355 atlet pulang ke kediaman masing-masing

**MAJLIS** Sukan Negara (MSN) sudah mengarahkan 355 daripada 695 atlet kebangsaan pulang ke kediaman masing-masing dalam usaha membendung risiko penularan COVID-19 dalam kalangan atlet, jurulatih dan pegawai.

Mereka yang terlibat adalah terdiri daripada atlet pelapis dan tidak menyertai sebarang kejohanan penting pada tahun ini, sudah meninggalkan asrama dan venue latihan secara berperingkat bermula 7 hingga 12 Mei lepas.

Pengarah Bahagian Atlet MSN Jefri Ngadirin berkata kesemua atlet akan kekal berada di kediaman masing-masing sehingga pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat pada 7 Jun ini.

"Sekiranya PKP sambung, kita akan berbincang

semula macam mana latihan mereka, buat masa sekarang mereka tetap berlatih di rumah secara dalam talian," katanya kepada Bernama hari ini.

Pada masa sama, atlet di bawah Program Podium masih menjalani latihan secara kuarantin di MSN terutama mereka yang sudah melayakkan diri ke Sukan Olimpik Tokyo 2020 pada Julai depan.

Jefri berkata bagi memantau perkembangan atlet berada di rumah, mereka kini perlu mengikuti sesi latihan secara dalam talian bagi mengekalkan kecergasan fizikal sepanjang tempoh PKP.

Sementara itu, beliau berkata Kompleks Sukan Paralimpik Kampung Pandan berada dalam perancangan untuk dijadikan pusat kuarantin bagi atlet kebangsaan yang dijangkiti COVID-19.- BERNAMA




**JUSTIN PANGKU TUGAS  
CEO MELAKA UNITED FC**

• Lihat muka 23

# Sukan MELAKA HARI INI

**BERGSON KEKAL  
BERSAMA JDT**

• Lihat muka 23 >>



**GIOVANE** Gomez antara salah seorang pemain import dari Brazil yang akan sertai kem Melaka United tidak lama lagi.

ALEX dos Santos Goncalvez akan digugurkan pada jendela perpindahan bulan ini.

## Duo ‘Samba’ jadi taruhan Melaka United

**EKORAN** prestasi kurang memuaskan pada pusingan pertama Liga Super musim 2021, Kelab Bolasepak Melaka United (MUFC) memutuskan dua penyerang importnya, Alex dos Santos Goncalvez dan Stefan Nikolic digugurkan pada jendela perpindahan bulan ini.

Ketua Pegawai Eksekutif MUFC Datuk Seri Justin Lim berkata, keputusan dibuat setelah meneliti laporan prestasi skuad Hang Tuah daripada pihak pengurusan baru-baru ini.

Beliau yang memangku tugas daripada Datuk Mohd Saiful Mat Sapri yang meletak jawatan baru-baru ini, serentak itu pihaknya membawa masuk dua penyerang baharu dari Brazil yang dipercayai mampu mengubah nasib pasukan yang kini berada di zon penyingkiran Liga Super.

Katanya, kedua-dua pemain iaitu Giovane Gomez dan seorang lagi dikenali sebagai Adriano yang sudah tiba dan bakal menyertai pasukan pasukan sedikit masa lagi.

“Gomez dan Adriano kini sedang menjalani kuarantine wajib sebelum menyertai pasukan.

“Apa yang pasti, kedua-dua mereka dipilih kerana kita melihat kualiti yang ada pada mereka cukup bagus untuk membantu pasukan.

“Kita berharap, dengan kehadiran dua pemain import ini bersama seorang lagi pemain pinjaman dari Johor Darul Ta’zim (JDT), Gary Steven Robbat akan dapat membantu pasukan memperoleh keputusan yang lebih baik di pusingan kedua nanti,” katanya kepada Melaka Hari Ini. Untuk rekod, Gomez me-

rupakan penyerang berusia 26 tahun yang dipinjamkan daripada kelab divisyen empat Brazil, Caxias-RS, manakala, Adriano pula hanya akan diumumkan secara rasmi sedikit masa lagi.

Mengulas keputusan yang dianggap sedikit kontroversi oleh penyokong iaitu mengekalkan Zainal Abidin Hassan sebagai Ketua Jurulatih, Justin berkata keputusan itu dibuat selepas berpuas hati dengan laporan yang dibentangkan pengendali berusia 59 tahun itu.

Jelasnya, keputusan mengekalkan Zainal sehingga hujung musim juga telah dipersetujui dalam satu mesyuarat bersama pihak pengurusan selepas mengambil kira pelbagai aspek.

Beliau bagaimanapun berharap bekas pemain kebangsaan itu mampu mencipta magis untuk membantu pasukan kembali bersaing dan seterusnya kekal beraksi di pentas Liga Super musim hadapan.

“Kita perlu berlaku adil dan tidak boleh menyalahkan Zainal sepenuhnya (prestasi kurang baik sebelum ini). Boleh jadi pelbagai faktor lain turut menyumbang kepada kejatuhan moral pasukan.

“Jadi, selepas membuat pertimbangan, kita memilih untuk mengekalkan khidmatnya sehingga tamat musim ini dan berharap segala ma-

salah yang dihadapi sebelum ini dapat diperbaiki untuk memberikan

keputusan yang lebih baik kepada MUFC dan penyokong,” katanya.



**‘Saya nak berehat dahulu’ - Saiful**

**BUKAN** merajuk, apakah lagi berkecil hati dengan prestasi semasa pasukan menjadi punca peletakan jawatan Datuk Mohd Saiful Mat Sapri sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kelab Bolasepak Melaka United (MUFC).

Lihat muka 23

### Kedudukan liga setakat 10 Mei 2021

LIGA SUPER MALAYSIA 2021				
	P	PG	MATA	LST13
1	JOHOR DARUL TA’ZIM	13	22	30
2	TERENGGANU FC	13	8	27
3	KEDAH DARUL AMAN FC	13	8	26
4	PENANG FC	13	4	22
5	SELANGOR FC	13	2	19
6	KUALA LUMPUR CITY FC	13	3	17
7	SABAH FC	13	0	16
8	PJ CITY FC	13	-4	15
9	SRI PAHANG FC	13	-6	12
10	PERAK FC	13	-7	12
11	MELAKA UNITED FC	13	-4	11
12	UITM FC	13	-26	2

\*MELAKA UNITED FC DIPOTONG 3 MATA MENERUSI KEPUTUSAN FIB

© www.melakahariini.my | 199701017821 | Melaka Hari Ini